




**KEDA AGRO HIGH TECH**



# LAPORAN TAHUNAN 2016

**LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)  
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**



**LUKISAN PERSPEKTIF BANGUNAN IBU PEJABAT KEDA**

# KANDUNGAN

<b>BUDAYA KERJA</b>	1
<b>PERUTUSAN Pengerusi</b>	2
<b>KATA ALUAN PENGURUS BESAR</b>	3
<b>MOTO, VISI, MISI DAN DASAR KUALITI</b>	4
<b>LATAR BELAKANG, FUNGSI DAN OBJEKTIF</b>	5
<b>PIAGAM PELANGGAN</b>	5
<b>KAWASAN OPERASI KEDA</b>	6
<b>CARTA ORGANISASI KEDA</b>	7
<b>AHLI LEMBAGA PENGARAH KEDA</b>	8
<b>AHLI JAWATANKUASA AUDIT KEDA</b>	9
<b>PENGURUSAN KANAN KEDA</b>	10
<b>ALAMAT IBU PEJABAT DAN PEJABAT PEMBANGUNAN ZON</b>	12
<b>FUNGSI-FUNGSI BAHAGIAN / UNIT</b>	14
<b>LAPORAN PRESTASI KEWANGAN KEDA</b>	
- Prestasi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2016	20
- Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2016	21
<b>LAPORAN KHIDMAT PENGURUSAN</b>	
- Perjawatan dan Persaraan	24
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)	26
- Pelaksanaan <i>Human Resource Management Information System</i> (HRMIS)	26
- Latihan dan Kursus	26

# KANDUNGAN

---

- Pengauditan Dalaman	27
- Program Tadbir Urus dan Pematuhan	29
- Pengurusan Aduan Awam	31
- Urusan Perundangan	32

## LAPORAN PRESTASI PROGRAM / PROJEK PEMBANGUNAN

---

- Projek Menaik Taraf Kolej KEDA di Sik dan Kulim	34
- Projek Ameniti Sosial di Wilayah KEDA	38
- Projek Menaik Taraf Desa-Desa KEDA	40
- Projek Jalan Perhubungan Desa di Wilayah KEDA	42
- Projek Pembangunan Taman IKS KEDA	44
- Projek Kemudahan Perniagaan 1Malaysia (PKP1M) Kulim	48
- Projek Pusat Transformasi dan Rekreasi Komuniti Serdang (PTRKS)	51
- Projek Kemudahan Perniagaan 1Malaysia (PKP1M) Sik	53
- Projek Pembangunan <i>Agrotourism</i> dan <i>Homestay</i> KEDA	56
- Projek KEDA <i>Agro High Tech</i> Sg. Seluang Kulim	68
- Projek Peningkatan Ekonomi Petani Kedah di Kawasan Luar Bandar	73
- Projek Premium Tanah dan Kerja-Kerja Tanah	79

LAPORAN PERUNTUKAN WANG AMANAH	81
--------------------------------	----

LAPORAN ANAK SYARIKAT KEDA	87
----------------------------	----

PENYATA KEWANGAN 2016	95
-----------------------	----

# BUDAYA KERJA

## K KUALITI

- Pengurusan
- Penghayatan
- Pencapaian Objektif
- Cekap dan Komited

## E ETIKA

- Perkhidmatan Cemerlang
- Mematuhi Peraturan dan Arahan Kerajaan
- Tanggungjawab dan Disiplin

## D DINAMIK

- Dedikasi dan Gigih
- Kreatif dan Responsif
- Sahsiah Seimbang dan Sepadu
- Berdaya Tahan dan Daya Saing

## A AMANAH

- Keikhlasan dan Kejujuran
- Keimanan
- Akauntabiliti



## PERUTUSAN PENGERUSI

Bismillahirrahmanirrahim...

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam 1 Malaysia dan Salam Muafakat Kedah

Segala puji-pujian bagi Allah S.W.T, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan seluruh para sahabat, ahli keluarga Baginda dan para solehin.

Alhamdulillah, sama-sama kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya maka kita semua masih diberikan kekuatan untuk meneruskan tanggungjawab kita di muka bumi ini.

Tahniah diucapkan kepada Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) yang telah berjaya menyiapkan Buku Laporan Tahunan 2016.

Sepanjang KEDA ditubuhkan, pelbagai onak dan ranjau telah ditempuhi demi memastikan peranan KEDA kekal relevan seiring peredaran zaman. Pembaharuan demi pembaharuan telah dilaksanakan bagi melahirkan masyarakat luar bandar yang mampan dan mempunyai daya saing yang tinggi sekaligus mendukung inisiatif kerajaan.

Pada tahun 2016, KEDA telah bekerja keras bagi memastikan golongan sasaran iaitu penduduk di kawasan luar bandar di Negeri Kedah mendapat manfaat yang sewajarnya. Pelbagai transformasi dilakukan berlandaskan kepada keperluan dan kehendak rakyat di kawasan luar bandar. Malah, program pembangunan modal insan juga perlu ditingkatkan bagi membolehkan penduduk di luar bandar meningkatkan keupayaan dari segi pendidikan dan ekonomi.

Kerajaan Negeri Kedah juga amat berbesar hati dengan peranan yang dimainkan oleh KEDA iaitu satu agensi yang berada di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) di Negeri Kedah ini dan berharap KEDA akan berdiri teguh di belakang Kerajaan Negeri Kedah buat selama-lamanya.

Sebagai Ketua Kerajaan Negeri, saya juga menyokong penuh setiap cadangan yang dibawa oleh KEDA dalam pembangunan Negeri Kedah yang memberi manfaat kepada penduduk dalam semua program yang telah dilaksanakan oleh KEDA dalam soal meningkatkan kualiti kehidupan rakyat Negeri Kedah. Oleh yang demikian, KEDA akan menjadi harapan kepada rakyat Negeri Kedah untuk berubah daripada kehidupan yang dihimpit dengan pelbagai isu kepada kehidupan yang lebih selesa dan baik.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada seluruh warga KEDA dan kepada KKLW, Agensi-Agensi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan serta semua pihak di atas usaha-usaha yang telah dilaksanakan untuk membangunkan Negeri Kedah yang kita cintai ini.

Semoga pada tahun 2017, lebih banyak kejayaan dapat diperolehi dan yang paling penting adalah kualiti perkhidmatan kita kepada golongan yang memerlukan kita di akar umbi dapat dipertingkatkan supaya semua pihak dapat berpuas hati dengan layanan yang kita berikan.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

**YAB DATO' SERI DIRAJA AHMAD BASHAH  
BIN MD HANIPAH  
PENGERUSI AHLI LEMBAGA PENGARAH KEDA**



## KATA ALUAN PENGURUS BESAR

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Segala puji-pujian bagi Allah S.W.T, Tuhan sekalian Alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W serta seluruh para sahabat yang solehin.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam 1 Malaysia, Salam Muafakat Kedah dan Salam KEDA Maju Jaya.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia daripada-Nya, Buku Laporan Tahunan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dapat dibentangkan dengan jayanya. Laporan Tahunan ini merupakan satu wadah bagi menerangkan pencapaian KEDA dalam membangunkan kawasan luar bandar.

Sebenarnya, tahun 2016 merupakan tahun yang mencabar bagi KEDA dan penuh dengan peristiwa pahit dan manis. Alhamdulillah berkat ketekunan dan semangat jitu seluruh warga KEDA, pelbagai halangan dan cabaran berjaya dihadapi dengan pelbagai pencapaian dan kejayaan yang berjaya diraih sepanjang tahun 2016 ini. Sesungguhnya pencapaian yang diperolehi merupakan kayu pengukur bagi KEDA untuk terus berkhidmat dengan komited dan cemerlang.

Sebagai Pengurus Besar KEDA, saya yakin segala amanah yang telah diberikan kepada KEDA daripada Kerajaan Pusat di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah dilaksanakan dalam tempoh waktu yang telah ditetapkan.

Jelas terbukti, pada tahun 2016, KEDA telah menerima Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM 29,431,500.00 dan saya sangat

berpuas hati kerana KEDA telah berjaya mencapai 100% prestasi perbelanjaan bagi jumlah yang diperuntukkan itu. KEDA juga telah merancang pelbagai pelan pembangunan di kawasan operasinya dan setiap perancangan yang dilakukan oleh KEDA sentiasa mendapat sokongan dan kerjasama daripada semua Jabatan dan Agensi Negeri Kedah serta Kerajaan Negeri Kedah.

Malah, langkah yang lebih proaktif akan dilaksanakan oleh KEDA pada tahun 2017 selaras dengan kehendak dan aspirasi pucuk pimpinan negara yang mahu melihat penduduk di kawasan luar bandar mendapat perhatian yang sewajarnya. Oleh itu, saya percaya dengan sokongan yang kuat daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri terhadap KEDA, pelbagai pembangunan dapat direalisasikan di kawasan operasi KEDA yang mana sebahagian besarnya terletak di kawasan luar bandar di Negeri Kedah.

Sebagai penutup, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi dan semua Ahli Lembaga Pengarah KEDA, Kerajaan Negeri Kedah, KKLW, Agensi-Agensi dan Jabatan-Jabatan Kerajaan serta semua pihak di atas sokongan dan bantuan yang telah diberikan kepada KEDA selama ini.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

**YBHG. DATO' MOHD ARPAN BIN SHARI  
PENGURUS BESAR KEDA**

## MOTO

“PEMBANGUNAN SEIMBANG RAKYAT SEJAHTERA”

## VISI

Menjadi sebuah agensi pembangunan yang utama dalam memajukan dan memperkukuhkan taraf sosioekonomi penduduk dari kumpulan sasaran khususnya dari Negeri Kedah pada amnya.



## MISI

Berusaha mengeksploitasi sepenuhnya segala sumber manusia dan ekonomi serta membangunkan kawasan luar bandar bagi mewujudkan satu order sosioekonomi yang lebih mantap dan berdaya maju sejajar dengan dasar-dasar pembangunan negara.

## DASAR KUALITI

KEDA komited dalam melaksanakan program pembangunan dan perkhidmatan yang berkualiti bagi memenuhi kepuasan pelanggan berteraskan perkhidmatan yang cekap, amanah, berkesan dan mesra bagi mencapai matlamat “PEMBANGUNAN SEIMBANG RAKYAT SEJAHTERA”

## LATAR BELAKANG

Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) ditubuhkan pada 28 Mei 1981 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981 (Akta 249) dengan tujuan membantu mempercepatkan pembangunan sosioekonomi di kawasan KEDA. Kawasan operasi KEDA meliputi keluasan 8,297 km persegi iaitu 89% daripada keseluruhan Negeri Kedah kecuali kawasan MADA. Sebagai agensi Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), KEDA dipertanggungjawabkan dalam pelbagai aspek pembangunan sosioekonomi, pembasmian kemiskinan dan menyeimbangkan pembangunan fizikal antara bandar dan luar bandar.

## FUNGSI

- Menggalak, membantu, memaju dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial.
- Menggalak, membantu, memaju dan mengusahakan pembangunan perumahan, pertanian, perindustrian dan perdagangan.
- Mewujudkan pembangunan yang seimbang di antara kawasan bandar dan luar bandar dalam kawasan operasi KEDA.


## OBJEKTIF

- Memajukan masyarakat luar bandar khususnya golongan sasar KEDA dalam semua bidang sosioekonomi melalui usaha-usaha pembangunan modal insan, latihan kemahiran, ekonomi dan fizikal dengan tumpuan kepada peningkatan kualiti hidup.
- Meningkatkan penyertaan golongan sasar dalam kegiatan ekonomi menerusi peningkatan pengupayaan (*people empowerment*).
- Mewujudkan pembangunan yang seimbang di antara kawasan bandar dan luar bandar dalam kawasan operasi KEDA.


## PIAGAM PELANGGAN

- Memastikan Program Bantuan Rumah (PBR) dilaksanakan dalam tempoh 90 hari dari tarikh surat arahan melaksanakan kerja dikeluarkan.
- Semua permohonan projek ekonomi / ameniti sosial / kemudahan infrastruktur akan dijawab dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- Keputusan kemasukan pelajar ke Kolej KEDA akan diketahui dalam tempoh 15 hari sebelum sesi pengajian bermula.
- Bayaran kepada pembekal akan dibuat secara elektronik dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima.
- Semua aduan awam akan diberi maklum balas awal dalam tempoh 5 hari bekerja selepas aduan lengkap diterima.
- Bayaran Elaun Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) akan dilaksanakan setiap 3 bulan sekali.

# KAWASAN OPERASI KEDA



# CARTA ORGANISASI KEDA



# AHLI LEMBAGA PENGARAH KEDA



PENGERUSI

**YAB DATO' PADUKA AHMAD  
BASHAH BIN MD. HANIPAH**  
Menteri Besar Kedah Darul Aman

TIMBALAN  
PENGERUSI

KOSONG

## WAKIL KERAJAAN PERSEKUTUAN



**DATO' AZIZAN  
BIN MOHAMAD SIDIN**  
Kementerian Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah



**YBHG. DATO' AB RAHMAN  
BIN MAT**  
Kementerian Kewangan  
Malaysia (MOF)



**YBHG. DATO' MOHAMAD  
RAZALI BIN ISMAIL**  
Unit Perancangan Ekonomi Jabatan  
Perdana Menteri(EPU,JPM)

## WAKIL KERAJAAN NEGERI



**YBHG. DATO' HAJI BAKAR  
BIN DIN**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah



**YBHG. DATO' HAJI MD.  
ZUKI BIN SIRU**  
Pengaruh Tanah Dan Galian Negeri  
Kedah

KOSONG

## WAKIL PROFESIONAL



**YBHG. DATO' HJ ABDULLAH  
HASNAN BIN KAMARUDDIN**  
Ahli Perniagaan

KOSONG

KOSONG

## WAKIL PENGURUSAN



**YBHG. DATO' HAJI MOHD.  
ARPAN BIN SHARI**

Pengurus Besar Keda

**AHLI  
JAWATANKUASA  
AUDIT KEDA**



**PENGERUSI**

**YBHG. DATO' AB. RAHMAN  
BIN MAT**



**AHLI**

**YBHG. DATO' MOHAMAD  
RAZALI BIN ISMAIL**



**AHLI**

**YBHG. DATO' HAJI MD.  
ZUKI BIN SIRU**

# PENGURUSAN KANAN KEDA



PENGURUS BESAR KEDA

YBHG. DATO' HAJI  
MOHD. ARPAN BIN SHARI



TIMBALAN PENGURUS BESAR  
(PENGURUSAN)

TUAN HAJI MARZUKI  
BIN MD. ZIN



PENGURUS PERANCANGAN  
& PENYELARASAN

ENCIK NAIN  
BIN ABDULLAH



PENGURUS PENTADBIRAN DAN  
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

TUAN HAJI  
ABDUL RAHMAN  
BIN ABDUL KHALEK



PENGURUS KEWANGAN

TUAN HAJI KAMARUDIN  
BIN ABD AKIB



PENGETUA  
KOLEJ KEDA

TUAN HAJI AHMAD SUKRI  
BIN JUSOH



KETUA UNIT PERNIAGAAN  
STRATEGIK/CEO ANAK SYARIKAT

ENCIK KHAIRUL AZMEER  
BIN ABU BAKAR



KETUA INTEGRITI

ENCIK MOHD AZAM  
BIN OMAR



PEGAWAI PEMBANGUNAN  
ZON 1 (LANGKAWI)

ENCIK MOHD SUFFIAN  
BIN ABU BAKAR



PEGAWAI PEMBANGUNAN  
ZON 2 (PADANG TERAP)

ENCIK ZAIDI  
BIN AHMAD



PEGAWAI PEMBANGUNAN  
ZON 3 (PENDANG, KOTA  
SETAR, POKOK SENJA)

PUAN YUSNIDA  
BINTI YUSOFF



PEGAWAI PEMBANGUNAN  
ZON 4 (SIK)

ENCIK MOHD KHAIRI  
BIN ABU BAKAR



**TIMBALAN PENGURUS BESAR  
(OPERASI)**

**TUAN HAJI ARIFUDDIN  
BIN HABIB**



**PENGURUS PEMBANGUNAN MODAL  
INSAN & PEMBASMIAN KEMISKINAN**

**TUAN HAJI AHMAD HILMI  
BIN HAJI TALIB**



**PENGURUS NIAGATANI**

**TUAN HAJI  
TALIB BIN DON**



**PENGURUS HARTANAH  
& PRASARANA**

**TUAN HAJI MUHD KAMEH  
BIN ABDULLAH**



**PENGURUS INDUSTRI  
DESA & USAHAWAN**

**ENCIK AZMI BIN SHAFIE**



**KETUA UNIT AUDIT DALAM**

**ENCIK MOHD FIRDAUS  
BIN AZIZAN @ ALIAZAM**



**PEGAWAI PEMBANGUNAN  
ZON 5 (BALING)**

**ENCIK CHE RIDZUAN  
BIN MOHAMAD ISA**



**PEGAWAI PEMBANGUNAN  
ZON 6 (KULIM)**

**ENCIK SULAIMAN  
BIN MOHD NOOR**



**PEGAWAI PEMBANGUNAN  
ZON 7 (KUALA MUDA, YAN)**

**ENCIK MOHD ZAHIRIN  
BIN YAACOB**



**PEGAWAI PEMBANGUNAN  
ZON 8 (KUBANG PASU)**

**ENCIK MUHD HAIRIE  
BIN MOHD HASHIM**



**PEGAWAI PEMBANGUNAN  
ZON 9 (BANDAR BAHARU)**

**ENCIK MUHAMMAD  
NOORHISHAM BIN TAIB**

## ALAMAT IBU PEJABAT DAN PEJABAT PEMBANGUNAN ZON

### Ibu Pejabat

Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)  
Bangunan Tunku  
Jalan Tunku Ibrahim  
Peti Surat 195, 05720 Alor setar  
Kedah Darul Aman.

Tel : 04-7205300  
Faks : 04-7340958  
E-mel : keda@keda.gov.my  
www.keda.gov.my

### Pejabat Pembangunan Zon KEDA

Pejabat Zon 1, Langkawi  
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)  
KM 1, Jalan Kisap, 07000 Langkawi  
Kedah Darul Aman.

Tel : 04-9698040  
Faks : 04-9698034

Pejabat Zon 2, Padang Terap  
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)  
Lot No.003041, 06300 Kuala Nerang  
Kedah Darul Aman.

Tel : 04-7903101  
Faks : 04-7866203

Pejabat Zon 3, Pendang, Kota Setar, Pokok Sena  
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)  
Lot 6776, Jalan Jenun, 06700 Pendang  
Kedah Darul Aman.

Tel : 04-7583101  
Faks : 04-7583102

Pejabat Zon 4, Sik  
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)  
5551, Jalan Tunku Ibrahim, 08200 Sik  
Kedah Darul Aman.

Tel : 04-4690301  
Faks : 04-4690301

Pejabat Zon 5, Baling  
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)  
Jalan Mahmud, 09100 Baling  
Kedah Darul Aman.

Tel : 04-4701485  
Faks : 04-4751485

Pejabat Zon 6, Kulim  
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)  
PT 3130, Jalan Perusahaan  
Mukim Sungai Seluang, 09600 Lunas  
Kedah Darul Aman

Tel : 04-4962100  
Faks : 04-4962103

Pejabat Zon 7, Kuala Muda, Yan  
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)  
52B, Lorong BLM 1/4, Bandar Laguna Merbok  
08000 Sungai Petani  
Kedah Darul Aman.

Tel : 04-4441671  
Faks : 04-4441670

Pejabat Zon 8, Kubang Pasu  
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)  
Aras 6, Bangunan KWSP  
Jalan Tunku Ibrahim, 05000 Alor Setar  
Kedah Darul Aman.

Tel : 04-7205395  
Faks : 04-7332068

Pejabat Zon 9, Bandar Baharu  
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)  
5-1, Kompleks UMNO / Bandar Baharu  
Jalan Raya Serdang, 09800 Serdang  
Kedah Darul Aman.

Tel : 04-4070101  
Faks : 04-4076023

**Kolej KEDA**  
Jalan Semarak, 08200 Sik  
Kedah Darul Aman.

Tel : 04-4620305  
Faks : 04-4625215

**Pejabat Logistik KEDA**  
KM 7, Jalan Langgar, 05460 Alor Setar  
Kedah Darul Aman.

Tel : 04-7876106  
Faks : 04-7870195



# **FUNGSI-FUNGSI BAHAGIAN / UNIT**

# FUNGSI-FUNGSI BAHAGIAN / UNIT

## Bahagian Perancangan dan Penyelarasan

- Merancang, menyelaras dan menyelia pelaksanaan dasar-dasar pembangunan di peringkat agensi.
- Merancang, menyelaras dan menyelia penyediaan Bajet Pembangunan Tahunan dan Bajet Rancangan Lima Tahun.
- Menyelarasa, mengemaskini maklumat dan menyedia laporan prestasi fizikal dan kewangan serta laporan pemantauan dan penilaian *outcome* projek-projek pembangunan.
- Menyelarasa dan menyedia laporan / maklum balas mesyuarat berkaitan pembangunan dan dasar di peringkat persekutuan / negeri.
- Memantau prestasi pelaksanaan program / projek pembangunan KEDA.
- Menyelarasa dan mengemaskini maklumat bajet pembangunan dan mengurus menerusi Sistem Pemantauan Projek (SPPII) dan aplikasi *MyResults*.
- Merancang, menyelaras dan menyelia pelaksanaan Projek Pembangunan Semula Kawasan (PSK), Projek Agropolitan dan Program Desa Lestari (Desa Abad Ke-21).
- Menyelarasa dan mengemaskini maklumat agensi menerusi Sistem Badan Berkanun (SBSys).

## Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia

- a. Unit Komunikasi Korporat
  - Menyalurkan informasi mengenai KEDA kepada umum.
  - Meningkatkan rangkaian hubungan di antara KEDA dengan kumpulan sasar, agensi kerajaan dan swasta.
  - Mengurus dan menyelia kemudahan khidmat pelanggan.
- b. Unit Pentadbiran Am
  - Merancang, menyelenggara dan menyelia ruang KEDA kepada umum.
  - Mengurus, menyelenggara dan menyelia pengurusan aset dan stor.
  - Menguruskan hal-hal pentadbiran pejabat.
  - Menguruskan urusan fail dan rekod.
  - Menyedia dan menyelaras bajet mengurus.
  - Merancang, menyelenggara dan menyelia kemudahan logistik.
  - Urus setia mesyuarat-mesyuarat utama.
- c. Unit Pengurusan Sumber Manusia
  - Merancang dan mengurus hal-hal perjawatan dan pengurusan organisasi.
  - Mengurus dan menyelia hal-hal kompetensi dan laporan prestasi kakitangan.
  - Mengurus dan menyelia perkhidmatan dan pembangunan sumber manusia.

## FUNGSI-FUNGSI BAHAGIAN / UNIT

### d. Unit Teknologi Maklumat

- Merancang, melaksana dan menyelia pembangunan dan keselamatan *Information & Communications Technology* (ICT).
- Merancang, melaksana dan menyelia kursus / latihan kemahiran ICT kepada pegawai / kakitangan dan kumpulan sasaran.
- Merancang, melaksana dan menyelia kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan infrastruktur ICT.
- Menyelaras dan menyelia hal-hal teknikal *Mini Rural Transformation Center* (Mini RTC) di kawasan penempatan KEDA.

### Bahagian Kewangan

- Mengurus dan mengawal sumber kewangan lembaga iaitu pengurusan, pembangunan, pelaburan, amanah, rizab dan lain-lain dana yang ditubuhkan.
- Menyedia, mengurus dan menyelaras bajet mengurus, pembayaran, penerimaan hasil dan perakaunan.
- Menguruskan proses perolehan melalui tender, sebutharga, undian kerja, pembelian terus, rundingan dan pelantikan firma perunding.
- Merancang, mengurus dan melaksanakan proses kutipan hasil.

### Kolej KEDA

- Merancang, melaksana dan mengawal selia program kursus / latihan kemahiran dan kursus-kursus jangka pendek untuk kumpulan sasaran.
- Menyediakan khidmat nasihat dan memantau pembangunan kerjaya / inkubator lepasan pelatih.
- Menyediakan bantuan khidmat masyarakat berkaitan kemudahan asas mekanikal dan elektrik kepada kumpulan sasaran.

### Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Pembasmian Kemiskinan

- Merancang, melaksana dan memantau projek-projek pembangunan modal insan dan institusi.
- Menyelaras, menggerak dan memantau pengurusan *Mini Rural Transformation Center* (Mini RTC) di kawasan penempatan KEDA.
- Merancang, menyelaras dan mengawal selia institusi kepimpinan kampung.
- Merancang, melaksana dan memantau projek-projek di bawah Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)
- Merancang dan menyelaras pembangunan koperasi desa di kawasan penempatan KEDA.

# FUNGSI-FUNGSI BAHAGIAN / UNIT

## Bahagian Niagatani

- Merancang, melaksana dan memantau projek-projek pertanian, ternakan dan akuakultur untuk kumpulan sasar.
- Merancang, mengurus dan mengawal selia projek-projek agrotourism / pelancongan desa / homestay.
- Merancang, mengurus dan mengawal selia ladang sejahtera projek agropolitan.
- Menyediakan kemudahan khidmat nasihat dan kursus kemahiran pertanian kepada kumpulan sasar.
- Merancang dan menyediakan kemudahan infrastruktur dan input pertanian.

## Bahagian Hartanah dan Prasarana

- Mengurus dan mengawal selia pangkalan data dan aset hartanah.
- Merancang, melaksana dan memantau projek-projek infrastruktur dan ameniti sosial.
- Merancang, melaksana dan memantau pembangunan penempatan desa-desa KEDA.
- Menyedia khidmat teknikal / nasihat kepada Bahagian / Unit / Pejabat Pembangunan Zon dan mengawal selia perkhidmatan juru perunding.

## Bahagian Industri Desa dan Usahawan

- Merancang, melaksana, menyelenggara dan memantau kawasan dan bangunan premis Industri Kecil Sederhana (IKS) dalam Wilayah KEDA.
- Menyedia kemudahan sewaan premis IKS KEDA.
- Merancang, melaksana dan menyelia program latihan / kursus khidmat rundingan dan bimbingan usahawan.

## Pejabat Pembangunan Zon

- Membantu merancang, melaksana dan memantau projek-projek pembangunan dan keusahawanan di peringkat daerah / zon.
- Membantu menyelaraskan dan melaksana projek / aktiviti pembangunan modal insan dan institusi.
- Merancang, menyusun dan menyelaraskan aktiviti pendampingan dan kemasyarakatan di kawasan operasi.
- Membantu urusan kutipan sewa / hasil di peringkat daerah / zon.
- Membantu mengurus, menggerak dan mengawal selia operasi *Mini Rural Transformation Center* (Mini RTC) dalam kawasan operasi.
- Menyediakan laporan kemajuan pelaksanaan projek / aktiviti pembangunan kepada pihak pengurusan.

# FUNGSI-FUNGSI BAHAGIAN / UNIT

## Unit Perniagaan Strategik

- Memantau dan mengawal selia anak syarikat KEDA dan subsidiari dari segi pentadbiran dan pengurusan sebagai anak syarikat berkaitan Kerajaan (GLC).
- Merancang dan mengurus aset dan projek-projek komersial KEDA yang berdaya maju untuk diuruskan oleh anak syarikat KEDA bagi menjana pendapatan.
- Merancang dan melaksana pembangunan kepada anak syarikat KEDA dan subsidiari agar selari dengan objektif penubuhan dan matlamat KEDA.
- Menyedia dan menyalur maklumat mengenai anak syarikat KEDA dan subsidiari kepada Bahagian Pelaburan dan Anak Syarikat, KKLW untuk dikemas kini di peringkat Kementerian.

## Unit Audit Dalam

- Mengkaji dan memberi nasihat/pendapat terhadap kebolehpercayaan kawalan dalaman organisasi dan keberkesanan semua sistem termasuk ICT.
- Mengkaji dan melaporkan tahap pematuhan kepada dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa.
- Mengkaji program / aktiviti organisasi bagi memastikan ianya telah diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan.
- Mengkaji sistem pengurusan aset serta kepentingan organisasi supaya dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan.
- Melapor kepada pihak yang diaudit hasil pengauditan dan memantau tindakan susulan yang diambil oleh pihak pengurusan terhadap perkara yang dibangkitkan.
- Menyediakan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam untuk kelulusan Pengurus Besar.
- Membenteng Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Audit serta Jawatankuasa lain yang relevan.

## Unit Integriti

- Memastikan tadbir urus organisasi yang terbaik dilaksanakan.
- Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.
- Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.
- Melaporkan salah laku jenayah organisasi kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.
- Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan / maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan etika organisasi.
- Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.
- Melaksanakan fungsi urus setia Jawatankuasa Tatatertib.

# “ PEMBANGUNAN SEIMBANG RAKYAT SEJAHTERA”





# LAPORAN PRESTASI KEWANGAN KEDA

# PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2016

Peruntukan bajet mengurus yang diterima oleh KEDA pada tahun 2016 adalah sebanyak RM24,875,700.00 berbanding RM26,875,700.00 yang telah diluluskan. Oleh itu, untuk menampung kekurangan peruntukan tersebut, sebanyak RM1,699,790.00 dari sumber dalaman KEDA telah digunakan dan menjadikan keseluruhan bajet mengurus KEDA pada tahun 2016 ialah RM26,575,490.00. Pada keseluruhannya, sebanyak RM26,568,160.34 (99.97%) telah dibelanjakan.

**Jadual 1: Prestasi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2016**

BUTIRAN PERBELANJAAN	PERUNTUKAN 2016			JUMLAH (4) = (2) + (3)	PERBELANJAAN SEBENAR (5)	% (6) = (5)/(4)
	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM) (1)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM) (2)	SUMBER DALAMAN KEDA (RM) (3)			
EMOLUMEN	19,245,200.00	17,554,200.00	909,560.00	18,463,760.00	18,462,395.36	99.99
BEKALAN DAN PERKHIDMATAN	6,046,500.00	5,737,500.00	277,900.00	6,015,400.00	6,009,464.59	99.90
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP	384,000.00	384,000.00	186,130.00	570,130.00	570,125.09	99.99
PERBELANJAAN LAIN	1,200,000.00	1,200,000.00	326,200.00	1,526,200.00	1,526,175.30	99.99
<b>JUMLAH</b>	<b>26,875,700.00</b>	<b>24,875,700.00</b>	<b>1,699,790.00</b>	<b>26,575,490.00</b>	<b>26,568,160.34</b>	<b>99.97</b>

# PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2016

Pada tahun 2016, sebanyak 12 program / projek pembangunan yang melibatkan 45 sub projek / aktiviti telah dilaksanakan. Pada keseluruhannya, semua program / projek / sub projek / aktiviti telah siap 100%. Pelaksanaan program / projek / sub projek /aktiviti pembangunan ini telah meningkatkan lagi kualiti dan taraf hidup serta kesejahteraan penduduk di dalam wilayah KEDA.

Jumlah peruntukan pembangunan yang diluluskan dan diterima oleh KEDA pada tahun 2016 adalah sebanyak RM29,431,500.00 dan perbelanjaan sebenar adalah sebanyak RM29,431,500.00 (100%). Prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan adalah seperti **Jadual 2**.

**Jadual 2 : Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2016**

BIL.	PROGRAM / PROJEK	PERUNTUKAN DILULUS [RM]	PERUNTUKAN DITERIMA [RM]	PERBELANJAAN SEBENAR [RM]	%
1	Projek Menaik taraf Kolej KEDA di Sik dan Kulim	5,760,000.00	5,760,000.00	5,760,000.00	100.00
2	Projek Ameniti Sosial di Wilayah KEDA	2,500,000.00	2,500,000.00	2,500,000.00	100.00
3	Projek Menaik taraf Desa-Desa KEDA	2,000,000.00	2,000,000.00	2,000,000.00	100.00
4	Projek Jalan Perhubungan Desa di Wilayah KEDA	2,000,000.00	2,000,000.00	2,000,000.00	100.00
5	Projek Pembangunan Taman IKS KEDA	2,900,000.00	2,900,000.00	2,900,000.00	100.00
6	Projek Kemudahan Perniagaan 1 Malaysia (PKP1M) Kulim	2,815,600.00	2,815,600.00	2,815,600.00	100.00
7	Projek Pusat Transformasi dan Rekreasi Komuniti Serdang (PTRKS)	1,625,300.00	1,625,300.00	1,625,300.00	100.00
8	Projek Kemudahan Perniagaan 1 Malaysia (PKP1M) Sik	1,780,600.00	1,780,600.00	1,780,600.00	100.00
9	Projek Pembangunan Agrotourism dan Homestay KEDA	1,800,000.00	1,800,000.00	1,800,000.00	100.00
10	Projek KEDA Agro High Tech Sg. Seluang Kulim	1,250,000.00	1,250,000.00	1,250,000.00	100.00
11	Projek Peningkatan Ekonomi Petani Kedah di Kawasan Luar Bandar	1,000,000.00	1,000,000.00	1,000,000.00	100.00
12	Projek Premium Tanah dan Kerja-Kerja Tanah	4,000,000.00	4,000,000.00	4,000,000.00	100.00
<b>JUMLAH</b>		<b>29,431,500.00</b>	<b>29,431,500.00</b>	<b>29,431,500.00</b>	<b>100.00</b>

# “ KOMITED MELAKSANAKAN PROGRAM PEMBANGUNAN”

De'lima  Supermart

The image shows the exterior of a De'lima 5 Supermart store. The building has a modern design with a large sign above the entrance that reads "De'lima 5 Supermart". The sign features a red circle with a white number "5" and a blue leaf-like shape above it. The building is light-colored with dark accents. In front of the store is a paved parking lot with white lines. A silver hatchback car is parked in the foreground, and a white van is partially visible behind it. A tall street lamp stands to the right of the cars. The sky is blue with some white clouds. A purple triangle is visible in the bottom-left corner of the image.



# LAPORAN KHIDMAT PENGURUSAN

## PERJAWATAN DAN PERSARAAN

Pada tahun 2016, jumlah perjawatan yang telah diluluskan kepada KEDA adalah sebanyak 415 jawatan di mana daripada jumlah tersebut sebanyak 369 jawatan atau 89% telah diisi telah.

Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 46 kekosongan jawatan telah berlaku kerana terdapat pegawai/kakitangan telah bersara wajib dan pilihan. Kedudukan perjawatan KEDA mengikut kategori perkhidmatan bagi tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 3** dan senarai kakitangan yang bersara pada tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 3 : Kedudukan Perjawatan KEDA Mengikut Kategori Perkhidmatan bagi Tahun 2016**

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	BIL. JAWATAN	ISI	KOSONG
1.	Jawatan Utama Sektor Awam (Jusa 'B')	1	1	0
2.	Pengurusan & Profesional (Gred 41 – 54)	43	34	9
3.	Kumpulan Pelaksana (Gred 29 – 40)	124	111	13
4.	Kumpulan Pelaksana (Gred 19 - 28)	137	122	15
5.	Kumpulan Pelaksana (Gred 1 – 18)	110	101	9
	<b>JUMLAH</b>	<b>415</b>	<b>369</b>	<b>46</b>

**Jadual 4 : Kakitangan yang Bersara pada Tahun 2016**

BIL.	NAMA	JAWATAN	GRED	TARIKH BERSARA	PERSARAAN
1.	Che Saari bin Saad	Pembantu Awam	H 14	11/1/2016	Wajib
2.	Abdul Manaf bin Salleh	Pen. Peg. Ehwai Ekonomi	E 32	4/3/2016	Wajib
3.	Shahbani bin Abdullah	Pembantu Kemahiran	H 22	8/3/2016	Wajib
4.	Rosni binti Mohd Khir	Pen. Peg. Perangkaan	E 32	2/5/2016	Wajib
5.	Sohana binti Hashim	Pembantu Tadbir (P/O)	N 22	8/6/2016	Wajib
6.	Mohd Kamal bin Abd Hamid	Pen. Pegawai Perancang Bandar dan Desa	JA 29	6/7/2016	Wajib
7.	Mohd Fathi bin Abdul Rahman	Pegawai Perancang Bandar dan Desa	J 48	16/7/2016	Wajib
8.	Rosiah binti Ashaari	Pembantu Tadbir (P/O)	N 22	1/8/2016	Wajib
9.	Ahmad Nadzir bin Ismail	Pen. Peg. Perancang Bandar dan Desa	JA 36	14/9/2016	Wajib
10.	Nooraini binti Ali	Pembantu Tadbir (P/O)	N 22	8/10/2016	Wajib
11.	Ismail bin Daud	Pembantu Awam	H 14	3/11/2016	Wajib
12.	Marzuki bin Md Zin	Pegawai Tadbir	N 54	7/12/2016	Wajib
13.	Noraini binti Hassan	Pembantu Tadbir (P/O)	N 22	1/1/2016	Pilihan
14.	Zarinah binti Salleh	Pembantu Tadbir (P/O)	N 17	1/1/2016	Pilihan
15.	Rusna binti Hamid	Pembantu Makmal	C 22	1/2/2016	Pilihan
16.	Sarizan bin Samsuddin	Pen. Peg. Ehwai Ekonomi	E 22	1/2/2016	Pilihan
17.	Sabrina binti Abdul Aziz	Pen. Pegawai Tadbir	N 32	1/2/2016	Pilihan
18.	Zohair bin Othman	Pen. Peg. Ehwai Ekonomi	E 32	1/2/2016	Pilihan
19.	Ali bin Salleh	Pen. Peg. Ehwai Ekonomi	E 32	1/8/2016	Pilihan
20.	Mohamat Hatta bin L. Yusof	Pembantu Tadbir (P/O)	E 22	1/8/2016	Pilihan
21.	Wan Makhaiyati binti Wan Ahmad	Pembantu Tadbir (P/O)	N 22	1/8/2016	Pilihan
22.	Romli bin Salleh	Pen. Peg. Ehwai Ekonomi	E 22	1/8/2016	Pilihan
23.	Adzif bin Saad	Pen. Peg. Ehwai Ekonomi	E 22	1/10/2016	Pilihan
24.	Rosnani binti Ahmad	Pelukis Pelan	J 22	1/10/2016	Pilihan

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KEDA buat pertama kalinya telah diadakan secara berpusat di MAEPS Serdang pada 21 Februari 2016. Seramai 30 orang kakitangan KEDA telah diberi penganugerahan oleh Pengurusan KEDA di atas perkhidmatan cemerlang mereka sepanjang tahun 2015 dan menerima hadiah berbentuk Sijil Simpanan Premium (SSP) bernilai RM 1,000 beserta sijil. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).


## PELAKSANAAN HUMAN RESOURCE MANAGEMENT SYSTEM (HRMIS)

Sepanjang tahun 2016, KEDA telah melaksanakan 7 modul dalam Sistem HRMIS iaitu Data Perjawatan, Rekod Peribadi, Profil Perkhidmatan, Pengurusan Prestasi (SKT/LNPT), Pengisytiharan Harta, Pengurusan Cuti dan Penamatan Perkhidmatan. Sehingga 31 Disember 2016, KEDA telah berjaya mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dengan peratusan prestasi 100% bagi setiap modul.

## LATIHAN DAN KURSUS

Pada tahun 2016, sebanyak 99 siri kursus/latihan/seminar/lawatan telah dihadiri oleh pegawai/kakitangan KEDA. Penglibatan pegawai/kakitangan KEDA dalam kursus/latihan/seminar/lawatan sepanjang tahun 2016 mengikut bidang utama kursus adalah seperti **Graf 1**.

**Graf 1 : Penglibatan Pegawai/Kakitangan dalam Kursus/Latihan sepanjang Tahun 2016 mengikut Bidang Utama Kursus**



## PENGAUDITAN DALAMAN

Sepanjang tahun 2016, Unit Audit Dalam (UAD) KEDA telah melaksanakan pengauditan ke atas pematuhan segala peraturan yang berkaitan dan juga prestasi pengurusan aktiviti / projek yang dijalankan dalam membantu menggalakkan amalan tadbir urus yang baik, cekap dan berintegriti di KEDA.



Pemerhatian Audit semasa Proses Perolehan Sebutharga di Unit Perolehan, Ibu Pejabat KEDA



Pemerhatian Audit semasa Proses Perolehan Sebutharga di Unit Perolehan, Ibu Pejabat KEDA



Pemerhatian Audit ke atas Surau yang Belum Siap di Desa KEDA Che Bema



Pemerhatian Audit ke atas Kerja-kerja Menaik taraf Tabika KEMAS kepada Rumah Rehat di Desa KEDA Che Bema

## PROGRAM TADBIR URUS DAN PEMATUHAN

Antara Program Tadbir Urus yang telah dilaksanakan oleh Unit Integriti KEDA sepanjang tahun 2016 ialah:

- i. Menjadi urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) peringkat KEDA sebanyak 3 siri bagi tahun 2016;
- ii. Mengemukakan laporan secara berkala kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA);
- iii. Membudayakan integriti dan tadbir urus melalui Program Tadbir Urus Terbaik yang telah diperluaskan kaedah penyampaiannya melalui kaedah turun padang secara bersemuka bersama kakitangan di Bahagian/Unit/Zon bagi taklimat pengukuhan integriti dan tadbir urus serta sesi sumbangsaran untuk penambahbaikan.
- iv. Ikrar Integriti Korporat.



Program tadbir urus terbaik bersama pegawai-pegawai di Pejabat Pembangunan KEDA Zon 3, Pendang



## KEDA TANDATANGANI IKRAR INTEGRITI KORPORAT BERSAMA SPRM

**ALOR SETAR**, 10 April - Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda) hari ini menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) bersama Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dalam usaha meningkatkan integriti warga kerjanya.

CIP itu ditandatangani Pengurus Besar Keda Datuk Mohd Arpan Shari dan disaksikan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM Datuk Seri Mustafar Ali.

Mustafar berkata CIP yang ditandatangani Keda itu menunjukkan komitmen tinggi agensi itu dalam meningkatkan integriti, mencegah rasuah dan melaksanakan tanggungjawab yang diamanah.



"Pemantapan integriti ini sangat penting dan perlu dilaksanakan di setiap syarikat dan agensi dalam menyokong tindakan mencegah rasuah, baik dalam pengurusan sektor korporat dan pentadbiran awam," katanya.

"Keda juga mempunyai pegawai integriti bertauliah yang telah mendapat tauliah daripada SPRM dan kami dimaklumkan Keda akan menghantar lebih ramai pegawainya untuk turut serta dalam modul untuk pemantapan CIP ini," katanya kepada pemberita selepas majlis itu di sini.

Tambahnya, ikrar berkenaan merupakan platform penting untuk syarikat menyumbang kepada usaha antirasuah di negara ini selain menangkis ketirisan dan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan membanteras rasuah.

Terdapat lima prinsip dalam CIP iaitu mempromosikan nilai-nilai ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik; memperkukuhkan mekanisme kawalan dalaman dengan memasukkan elemen yang menyokong pencegahan rasuah; dan pematuhan undang-undang serta peraturan yang berkaitan dengan memerangi rasuah.



DISEJAKAN OLEH - CAWANGAN KOMUNIKASI DALAMAN, BKS

Majlis Tandatanganan Ikrar Integriti Korporat bersama SPRM berlangsung pada 10 April 2016

## PENGURUSAN ADUAN AWAM

Statistik pengaduan awam yang diterima pada tahun 2016 adalah sebanyak 55 kes melalui pelbagai sumber seperti di **Jadual 5**, dan merangkumi pelbagai kategori aduan seperti di **Jadual 6**. Kesemua aduan tersebut telah berjaya diselesaikan dalam tahun semasa.

**Jadual 5: Rekod Pengaduan Awam KEDA Tahun 2016 Mengikut Sumber Aduan**

BIL	SUMBER ADUAN	JUMLAH
1.	Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA)	20
2.	FACEBOOK KEDA	28
3.	E-MEL KEDA	4
4.	KKLW	0
5.	1MOCC	0
6.	BPA	1
7.	SPRM	0
8.	KERATAN AKHBAR/MEDIA ELEKTRONIK	0
9.	SURAT/FAKS	0
10.	TELEFON/WHATSAPP	2
11.	HADIR SENDIRI	0
12	LAIN-LAIN	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>55</b>

**Jadual 6: Rekod Pengaduan Awam KEDA Tahun 2016 Mengikut Klasifikasi Aduan**

BIL	BUTIRAN	JUMLAH
1.	ADUAN	11
2.	BANTUAN RUMAH	6
3.	BANTUAN USAHAWAN	16
4.	BANTUAN JALAN KAMPUNG	2
5.	PERTANYAAN	18
6.	PENGHARGAAN	1
7.	CADANGAN	0
8.	LAIN-LAIN	1
	<b>JUMLAH</b>	<b>55</b>

## URUSAN PERUNDANGAN

Di samping melaksanakan fungsi pengauditan dalaman, pembudayaan tadbir urus dan pengurusan aduan, Unit Integriti KEDA juga menjalankan urusan-urusan yang berkaitan perundangan di KEDA. Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan semakan ke atas lebih 30 dokumen kontrak pelantikan kontraktor dan perunding bagi projek-projek KEDA tahun 2016.
- ii. Menyemak dan meneliti memorandum persefahaman, perjanjian usahasama bagi projek-projek seliaan KEDA atau apa-apa dokumen perundangan yang dikemukakan oleh Bahagian/Unit/Zon di KEDA.
- iii. Memberi pandangan dan pendapat kepada Bahagian/Unit/Zon bagi urusan yang mempunyai implikasi perundangan sama ada secara bertulis atau lisan.
- iv. Menguruskan taklimat dan perjanjian kependudukan kepada peserta-peserta baru penempatan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Desa-Desa KEDA.



Urusan menandatangani perjanjian kependudukan peserta-peserta penempatan PPRT Desa KEDA



**LAPORAN PRESTASI  
PROGRAM / PROJEK  
PEMBANGUNAN**

# PROJEK MENAIK TARAF KOLEJ KEDA DI SIK DAN KULIM

## LATAR BELAKANG PROJEK

Kolej KEDA di Sik telah dibina pada tahun 1986 di bawah Rancangan Malaysia Ke-4 (RMKe-4) dengan nama Pusat Latihan KEDA (PUSTIKA) dan mula beroperasi pada bulan Mac tahun 1989 seterusnya dijenamakan semula kepada nama Kolej KEDA pada tahun 2012. Selama 27 tahun beroperasi, Kolej KEDA telah menjalankan perannya untuk melaksanakan program latihan yang inovatif kepada kumpulan sasar bagi membantu dan melengkapkan usaha KEDA dalam memastikan kejayaan program pembangunan dan perbandaran. Bermula dengan program latihan dalam bidang anyaman berasaskan buluh, bertam dan mengkuang seterusnya mengorak langkah ke bidang pertukangan dan pembinaan. Kini, Kolej KEDA telah menjalankan program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dengan mendapat pentauliahan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia. Seiring dengan penjenamaan semula nama, keperluan untuk menaik taraf bangunan dan kerja-kerja penyelenggaraan perlu dilakukan.

Selain itu, bagi menampung bilangan pelajar yang semakin meningkat, satu lagi pusat latihan iaitu Pusat Latihan KEDA Sungai Seluang di Kulim telah dibina pada tahun 2015 dan siap sepenuhnya pada tahun 2016. Lokasi Pusat Latihan KEDA Sungai Seluang terletak di Mukim Lunas, Kulim dan berkeluasan 9.14 hektar (36,988 m<sup>2</sup>). Pusat latihan ini akan melaksanakan kursus-kursus jangka pendek dalam bidang pengurusan dan sebagainya.

## OBJEKTIF PROJEK

Projek ini bertujuan menyediakan kemudahan infrastruktur kepada peserta/pelajar bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan selesa serta mematuhi peraturan dan piawaian yang dikehendaki.



## SKOP DAN KOMPONEN PROJEK

Komponen utama Projek Menaik taraf Kolej KEDA di Sik dan Kulim merangkumi skop kerja seperti berikut :

- i. membina / menaik taraf bangunan di Kolej KEDA, Sik;
- ii. membina / menaik taraf bangunan Pusat Latihan KEDA Sg. Seluang Kulim;
- iii. kerja-kerja pembersihan kawasan dan landskap; dan
- iv. kerja-kerja penyelenggaraan.

## PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2016, sebanyak RM5,760,000.00 telah diperuntukkan kepada Kolej KEDA bagi melaksanakan Projek Menaik taraf Kolej KEDA di Sik dan Kulim. Peruntukan ini telah dibelanjakan 100% dengan pecahan perbelanjaan sebanyak RM3,710,991.20 di Kolej KEDA, Sik dan RM2,049,008.80 di Pusat Latihan KEDA Sungai Seluang, Kulim seperti berikut:



## PENCAPAIAN

- i. Menyediakan kemudahan infrastruktur yang selesa seperti pembinaan asrama lelaki dengan penerima manfaat sebanyak 300 orang pelajar setahun.
- ii. Pembinaan Pusat Latihan KEDA Sungai Seluang, Kulim yang mempunyai 13 blok bangunan terdiri daripada bangunan pejabat, dewan kuliah, surau, asrama, dewan makan, tandas dan chalet yang memberi manfaat kepada 300 orang pengguna.

## RUMUSAN

Bagi tahun 2016, Kolej KEDA telah menjalankan tanggungjawab yang diberikan dalam melaksanakan projek-projek pembangunan untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran dan berketerampilan tinggi.

## GAMBAR PROJEK

i. Pembinaan Asrama Lelaki di Kolej KEDA, Sik



Dalam proses pembinaan



Selepas pembinaan

ii. Pusat Latihan Sungai Seluang, Daerah Kulim



Pusat Latihan Sungai Seluang  
yang masih dalam pembinaan

# PROJEK AMENITI SOSIAL DI WILAYAH KEDA

## LATAR BELAKANG PROJEK

Projek ini bertujuan untuk menaik taraf kemudahan ameniti sosial dan infrastruktur di kampung-kampung dalam Wilayah KEDA. Pada tahun 2016, KEDA telah melaksanakan sebanyak 47 sub projek ameniti sosial yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2,500,000.00 yang memberi manfaat kepada 11,750 orang penduduk luar bandar.

## OBJEKTIF PROJEK

- i. Menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif.
- ii. Menyediakan dan meningkatkan taraf penyediaan kemudahan ameniti sosial yang lebih baik, sempurna dan selesa untuk kegunaan penduduk luar bandar.

## SKOP DAN KOMPONEN PROJEK

- i. Membina, membaik pulih, menaik taraf ameniti sosial dan infrastruktur di kampung-kampung dalam Wilayah KEDA seperti dewan, surau, pusat ilmu dan sebagainya.
- ii. Membina kemudahan tambahan yang baru dan sesuai digunakan sekaligus mengindahkan kawasan kampung dalam Wilayah KEDA.

## PRESTASI KEWANGAN

Sebanyak RM2,500,000.00 telah diperuntukkan kepada KEDA untuk melaksanakan projek ini bagi tahun 2016. Prestasi perbelanjaan projek ini mencapai 100%.



## PENCAPAIAN

Sebanyak 47 sub projek telah dilaksanakan di bawah projek ini pada tahun 2016 dan telah memberi manfaat kepada 11,750 orang penduduk luar bandar.

## RUMUSAN

Secara keseluruhannya, projek ini dapat membantu mengurangkan masalah ketidakseimbangan sosioekonomi antara masyarakat bandar dan luar bandar serta memberi manfaat kepada masyarakat secara berterusan.

## GAMBAR PROJEK



Antara Projek Ameniti Sosial  
di Wilayah KEDA yang telah siap

# PROJEK MENAIK TARAF DESA-DESA KEDA

## LATAR BELAKANG PROJEK

Projek ini dilaksanakan bertujuan untuk menaik taraf prasarana di desa-desa KEDA supaya kehidupan penduduk luar bandar dapat dipertingkatkan. Pada tahun 2016, KEDA telah melaksanakan sebanyak 68 sub projek menaik taraf desa-desa KEDA yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2,000,000.00. Seramai 6,220 orang penduduk luar bandar di 37 desa-desa KEDA telah menerima manfaat daripada projek ini.

## OBJEKTIF PROJEK


- i. Mewujudkan perkampungan yang bersih, indah dan menarik.
- ii. Menggalakkan gaya hidup yang lebih sihat dan ceria.
- iii. Menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi.

## SKOP DAN KOMPONEN PROJEK

- i. Menaik taraf kemudahan infrastruktur.
- ii. Baik pulih dan bina baru perumahan di lot-lot perumahan KEDA yang telah dilupuskan.

## PRESTASI KEWANGAN

KEDA telah menerima peruntukan sebanyak RM2,000,000.00 pada tahun 2016 bagi pelaksanaan projek ini. Prestasi perbelanjaan projek ini sehingga 31 Disember 2016 adalah 100%.



## PENCAPAIAN

Hasil daripada projek pembangunan ini seramai 6,220 orang peserta telah menerima manfaat daripada 68 sub projek yang telah dilaksanakan seperti berikut:

Bil.	Sub Projek	Bilangan Sub Projek	Bilangan Penerima Manfaat (orang)
1.	Menaik taraf kemudahan infrastruktur	24	6,000
2.	Baik pulih dan bina baru perumahan	44	220
	<b>Jumlah</b>	<b>68</b>	<b>6,220</b>

## RUMUSAN

Kesimpulannya, sebanyak 68 subprojek telah dilaksanakan dan kesemuanya melibatkan kumpulan sasar iaitu penduduk di kawasan luar bandar di desa-desa KEDA. Sehubungan itu, seramai 6,220 orang penduduk telah menerima manfaat daripada projek menaik taraf desa-desa KEDA ini.

## GAMBAR PROJEK



Sebahagian kediaman bina baru yang telah siap

# PROJEK JALAN PERHUBUNGAN DESA DI WILAYAH KEDA

## LATAR BELAKANG PROJEK

Projek ini dilaksanakan bertujuan untuk membina dan menaik taraf jalan perhubungan desa di kampung-kampung terpencil dan pedalaman di Wilayah KEDA. Pada tahun 2016, KEDA telah melaksanakan sebanyak 58 sub projek jalan perhubungan desa yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2,000,000.00. Seramai 14,500 orang penduduk luar bandar telah menerima manfaat daripada projek ini.

## OBJEKTIF PROJEK

- i. Meningkatkan taraf aksesibiliti penduduk luar bandar agar boleh melibatkan diri dengan arus perdana pembangunan.
- ii. Mencapai tahap kehidupan yang lebih baik, selesa dan memuaskan melalui pembinaan dan menaik taraf serta membaik pulih jalan kampung yang lebih sempurna.

## SKOP DAN KOMPONEN PROJEK

- i. Membina jalan baru (jalan tanah merah, jalan *crusher run* dan jalan *premix*).
- ii. Menaik taraf dan menurap semula jalan sedia ada (jalan tanah merah, jalan *crusher run* dan jalan *premix*).

## PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2016, sebanyak RM2,000,000.00 telah diperuntukkan untuk melaksanakan projek ini. Prestasi perbelanjaan projek ini sehingga 31 Disember 2016 adalah 100%.



## PENCAPAIAN

Hasil daripada projek pembangunan ini seramai 14,500 orang peserta telah menerima manfaat daripada 58 sub projek yang telah dilaksanakan seperti berikut:

Bil.	Sub Projek	Bilangan Sub Projek	Bilangan Penerima Manfaat (orang)
1.	Bina Jalan Baru	5	1,250
2.	Menaik taraf dan turap semula jalan sedia ada	53	13,250
	<b>Jumlah</b>	<b>58</b>	<b>14,500</b>

## RUMUSAN

Projek ini dapat mewujudkan pembangunan infrastruktur kampung yang lebih menyeluruh dan meningkatkan tahap aksesibiliti penduduk luar bandar dalam Wilayah KEDA. Projek ini turut memberikan kehidupan yang sihat serta kemudahan yang teratur, selesa dan ceria.

## GAMBAR PROJEK



Sebelum



Selepas

# PROJEK PEMBANGUNAN TAMAN IKS KEDA

## LATAR BELAKANG PROJEK

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dikatakan sebagai salah satu agen pembangunan ekonomi negara, malahan ianya mampu meningkatkan pengeluaran negara, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, integrasi antara firma, menjana eksport serta mampu membantu dalam proses pengeluaran beberapa industri berskala sederhana mahu pun besar. Atas dasar tersebut, KEDA melalui Bahagian Industri Desa dan Usahawan (BIDU) telah mengambil langkah proaktif dengan memberi penumpuan dan penekanan terhadap kemajuan pembangunan IKS dengan menyusun atur dan menstruktur semula pengusaha IKS untuk menjadi lebih dinamik, strategik dan mapan. Untuk merealisasikan langkah proaktif tersebut, KEDA telah membina bangunan industri dan rumah kedai di Taman IKS sedia ada iaitu di Wang Tok Rendong, Langkawi dan Pekan Sik, Sik serta pembinaan 4 unit rumah kedai di Taman IKS yang baru diwujudkan di Desa KEDA Kledang, Baling.

## OBJEKTIF PROJEK

- i. Pengwujudan Taman IKS yang memenuhi keperluan kriteria atau standard yang ditetapkan untuk mendapatkan pensijilan GMP, HALAL, HACCP, MeSTI dan lain-lain.
- ii. Penambahan pusat operasi yang lebih tersusun untuk usahawan IKS.
- iii. Pengembangan dan pemekatan usahawan IKS ke arah lebih maju, berdaya saing dan biaya diri.
- iv. Menaik taraf kemodenan prasarana bagi menjamin peningkatan pengeluaran dan pendapatan usahawan IKS.

## SKOP DAN KOMPONEN PROJEK


- i. Pembinaan 8 unit bengkel IKS di Wang Tok Rendong, Pulau Langkawi.
- ii. Pembinaan 2 unit rumah kedai di Pekan Sik, Sik.
- iii. Pembinaan 4 unit rumah kedai setingkat di Desa KEDA Kledang, Baling.

## PRESTASI KEWANGAN

Projek ini telah diperuntukkan sebanyak RM2,900,000.00. Prestasi perbelanjaan projek ini mencapai 100% sehingga 31 Disember 2016.



Perincian agihan peruntukan mengikut lokasi adalah seperti berikut:



## PENCAPAIAN

- i. Projek pembinaan 8 unit Bengkel IKS di Wang Tok Rendong, Pulau Langkawi masih berada dalam fasa pelaksanaan dan sehingga 31 Disember 2016, kemajuan projek yang dicapai adalah 23%. Projek ini dijangkakan siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2017.
- ii. Projek pembinaan 2 unit kedai di Sik telah siap sepenuhnya pada bulan November 2016.
- iii. Projek pembinaan 4 unit rumah kedai setingkat di Desa KEDA Kledang, Baling masih berada dalam fasa pelaksanaan dan sehingga 31 Disember 2016, kemajuan projek yang dicapai adalah 98%. Projek ini dijangkakan siap sepenuhnya pada bulan Januari 2017.
- iv. Seramai 14 orang pengusaha IKS berpeluang untuk menyewa dan menjalankan aktiviti perniagaan di premis ini.

## RUMUSAN

Secara keseluruhan, Projek Pembangunan Taman IKS KEDA yang melibatkan pembinaan bangunan industri dan rumah kedai di 3 kawasan yang terlibat dapat memberi manfaat kepada 14 orang pengusaha IKS ke arah lebih berdaya saing dan maju dengan prasarana yang kondusif, selamat dan diiktiraf mengikut piawaian yang ditetapkan bagi memenuhi keperluan kriteria atau standard yang ditetapkan untuk mendapatkan pensijilan GMP, HALAL, HACCP, MeSTI dan lain-lain. Projek ini juga dijangka dapat memberi limpahan ekonomi kepada kumpulan sasaran dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan selain *spillover effect* kepada pengusaha tempatan sama ada dari sektor peruncitan, perniagaan makanan, perkhidmatan dan sebagainya.

## GAMBAR PROJEK

i. Bengkel IKS, Wang Tok Rendong, Langkawi.



Gambar bengkel yang masih dalam pembinaan

ii. Rumah Kedai di Pekan Sik, Sik.



Gambar rumah kedai yang telah siap

iii. Rumah Kedai di Desa KEDA Kledang, Baling.



Gambar rumah kedai yang masih dalam pembinaan

# PROJEK KEMUDAHAN PERNIAGAAN 1MALYSIA (PKP1M) KULIM

## LATAR BELAKANG PROJEK

Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) memiliki sebidang tanah berkeluasan 5.529 hektar yang terletak di kawasan strategik di tengah bandar Kulim. Tapak ini mempunyai akses yang mudah dan sesuai untuk dibangunkan dengan prasarana perniagaan bagi memberi kemudahan kepada usahawan yang berminat untuk menjalankan perniagaan.

Kulim merupakan daerah yang pesat membangun di mana terdapat kuasa membeli serta kawasan perindustrian Kulim *Hi-Tech Park* yang memberikan sumbangan pendapatan dan ekonomi kepada penduduk setempat.

Prasarana perniagaan yang disediakan kepada kumpulan usahawan yang berminat akan merancakkan lagi pulangan pendapatan kepada peniaga seterusnya dapat menaik pelanggan yang berada di Negeri Kedah dan Pulau Pinang.

## OBJEKTIF PROJEK


- i. Melaksanakan pembangunan di hartanah KEDA yang mempunyai potensi dan nilai komersil untuk dibangunkan.
- ii. Menyediakan ruang perniagaan kepada usahawan bumiputera untuk berniaga supaya produk-produk tempatan dapat dipasarkan.
- iii. Membuka peluang kepada peniaga bumiputera dalam mendapatkan lot-lot perniagaan pada kadar yang berpatutan.
- iv. Melahirkan usahawan baru untuk menceburi dalam aktiviti perniagaan.
- v. Menggalakkan usahawan supaya berniaga di tempat yang lebih teratur dan tersusun bagi menaikkan imej dan bentuk perniagaan yang dijalankan.

## SKOP DAN KOMPONEN PROJEK

- i. Membina kompleks perniagaan 2 tingkat yang mengandungi:
  - a) 1 unit lot perniagaan utama;
  - b) 19 unit lot perniagaan pelbagai;
  - c) 2 unit surau dan tandas;
  - d) 3 lot kafe; dan
  - e) 12 unit kiosk bergerak.
- ii. Membina infrastruktur dan utiliti awam termasuk:
  - a) 1 unit loji rawatan kumbahan;
  - b) 1 unit tangki air; dan
  - c) 1 unit pencawang TNB.
- iii. Menjalankan aktiviti promosi / pemasaran menerusi karnival sebanyak 4 siri serta pengiklanan.

## PRESTASI KEWANGAN

Projek Kemudahan Perniagaan 1Malaysia (PKP1M) Kulim ini telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM2,815,600.00 pada tahun 2016. Prestasi perbelanjaan projek ini adalah 100%.



## PENCAPAIAN

- i. Projek ini masih berada dalam fasa pelaksanaan dan sehingga 31 Disember 2016, kemajuan projek yang dicapai adalah 13%. Projek ini dijangkakan siap sepenuhnya pada bulan Disember 2017.
- ii. Seramai 60 usahawan termasuk koperasi berpeluang menyewa dan menjalankan aktiviti perniagaan di premis ini.
- iii. Sebanyak 180 peluang pekerjaan dijangkakan tersedia kepada penduduk sekitar.

## RUMUSAN

Projek ini dapat memberi peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar dan menarik kuasa membeli penduduk serta membantu dalam pembangunan sosioekonomi di kawasan luar bandar.

## GAMBAR PROJEK



Kerja pengukuran dijalankan di tapak



Kerja-kerja penanaman cerucuk



Kerja-kerja pembersihan kawasan

# PROJEK PUSAT TRANSFORMASI DAN REKREASI KOMUNITI SERDANG (PTRKS)

## LATAR BELAKANG PROJEK

Pusat Transformasi dan Rekreasi Komuniti Serdang (PTRKS) merupakan satu inisiatif baru bagi menyediakan satu lagi pusat kecemerlangan di kawasan Serdang, Daerah Bandar Baharu, Kedah yang merupakan sebuah kawasan yang sangat sesuai dibangunkan kerana mempunyai landskap yang menarik dan jauh dari kesibukan bandar. Pusat transformasi dengan keluasan 9.639 ekar ini merangkumi kemudahan seperti dewan seminar, bilik penginapan dan dewan makan.

## OBJEKTIF PROJEK


- i. Menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap untuk orang ramai menjalankan aktiviti riadah dan rekreasi.
- ii. Memodenkan kemudahan-kemudahan sedia ada di Daerah Bandar Baharu.
- iii. Menaik taraf kawasan Tasik Sri Serdang yang berpotensi menjadi tumpuan orang ramai dan pelancong luar.

## SKOP DAN KOMPONEN PROJEK

Projek ini melibatkan pembinaan bangunan 2 tingkat yang mengandungi 32 bilik penginapan, 1 dewan seminar, 1 dewan makan, 1 tandas dan 1 surau.

## PRESTASI KEWANGAN

Projek Pusat Transformasi dan Rekreasi Komuniti Serdang (PTRKS) telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM 1,625,300.00 di bawah RMKe-11 pada tahun 2016. Prestasi perbelanjaan projek ini sehingga 31 Disember 2016 adalah 100%.



## PENCAPAIAN

- i. Projek ini masih berada dalam fasa pelaksanaan dan sehingga 31 Disember 2016, kemajuan projek yang dicapai adalah 18%. Projek ini dijangkakan siap sepenuhnya pada bulan Mac 2018.
- ii. Dijangkakan seramai 10,000 orang penduduk yang tinggal di kawasan Serdang dapat menggunakan kemudahan PTRKS ini untuk beriadah serta melakukan aktiviti berfaedah.
- iii. Sebanyak 30 peluang pekerjaan dijangkakan tersedia kepada penduduk sekitar.

## RUMUSAN

Dengan adanya PTRKS ini akan menjadikan Tasik Sri Serdang sebagai satu tempat tumpuan baru orang ramai untuk menjalankan aktiviti yang bermanfaat bagi mewujudkan komuniti yang berkualiti dan sihat.

## GAMBAR PROJEK



Proses menambun tanah



Kerja-kerja penandaan tapak bangunan



Kerja-kerja penanaman cerucuk

# PROJEK KEMUDAHAN PERNIAGAAN 1MALAYSIA (PKP1M) SIK

## LATAR BELAKANG PROJEK

Projek Kemudahan Perniagaan 1Malaysia di Sik ini merupakan usaha KEDA dalam menyediakan ruang dan prasarana perniagaan kepada kumpulan usahawan yang berpotensi untuk menegenahkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Kewujudan rumah-rumah kedai di Sik yang sedia ada menawarkan sewaan yang bersifat komersil di mana kebanyakan usahawan adalah kurang berkemampuan.

Di samping itu, projek ini juga membantu menyelesaikan isu mengenai pengusaha perniagaan di kawasan yang tidak dibenarkan. Prasarana yang dibangunkan akan membolehkan peniaga dan usahawan beroperasi secara berpusat di satu kawasan yang dikhaskan.

## OBJEKTIF PROJEK

- i. Mengoptimumkan pembangunan hartanah KEDA yang berpotensi.
- ii. Melengkapkan pusat pemasaran dan agrobisnes Sungai Namek dengan pelbagai industri dan bentuk perkhidmatan kepada penduduk di sekitar Sik, Kedah.
- iii. Melaksanakan pembangunan secara holistik dengan menggunakan sumber sedia ada di KEDA.
- iv. Membangunkan prasarana untuk usahawan dan peniaga yang berpotensi memasarkan produk dan perkhidmatan kepada pengguna.
- v. Menggalakan aktiviti perniagaan di Daerah Sik dengan mewujudkan pembangunan yang tersusun dan bersifat komersil.

## SKOP DAN KOMPONEN PROJEK

Projek ini melibatkan pembinaan komponen seperti:

- i. 14 unit rumah kedai teres 2 tingkat dengan keluasan 20' x 60'; dan
- ii. kemudahan infrastruktur asas serta tempat parkir kereta.

## PRESTASI KEWANGAN

Projek Kemudahan Perniagaan 1Malaysia Sik telah diluluskan di bawah RMKe-11 tahun 2016 dengan peruntukan berjumlah RM 1,780,600.00. Sehingga 31 Disember 2016, prestasi perbelanjaan yang dicapai bagi projek ini adalah 100%.



## PENCAPAIAN

- i. Projek ini masih berada dalam fasa pelaksanaan dan sehingga 31 Disember 2016, kemajuan projek yang dicapai adalah 16%. Projek ini dijangkakan siap sepenuhnya pada bulan Disember 2017.
- ii. Seramai 26 usahawan termasuk koperasi berpeluang menyewa dan menjalankan aktiviti perniagaan di premis ini.
- iii. Sebanyak 52 peluang pekerjaan dijangkakan tersedia kepada penduduk sekitar.

## RUMUSAN

PKP1M Sik akan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar dan secara tidak langsung akan membantu menarik kuasa membeli penduduk di kawasan Sik.

## GAMBAR PROJEK

- i. Pembinaan rumah kedai Blok A




Kerja memadatkan *crusher run*



Penyemburan *antitermite*



Pemasangan BRC dan paip dalaman



Pemasangan *manhole*



Pemasangan plastik biru



Kerja konkrit lantai bawah

ii. Pembinaan rumah kedai Blok B



Kerja-kerja konkrit *footing*



Penyemburan *antitermite*



Pemasangan rasuk tanah

# PROJEK PEMBANGUNAN AGROTOURISM DAN HOMESTAY KEDA

## LATAR BELAKANG PROJEK

Projek pelancongan desa atau *agrotourism* merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan oleh KEDA dalam menggalakkan industri pelancongan negara. Projek ini amat berpotensi untuk dibangunkan bagi mewujudkan pusat latihan pertanian dan pusat pelancongan pertanian (*agrotourism*) dalam kawasan luar bandar di Negeri Kedah.

Pada tahun 2016, KEDA telah menerima peruntukan sebanyak RM1,800,000.00 untuk membangunkan Projek Pembangunan *Agrotourism* dan *Homestay* KEDA. Projek ini mendapat sambutan yang menggalakan daripada pelancong-pelancong tempatan dan luar negara.

Senarai lokasi Projek Pembangunan *Agrotourism* dan *Homestay* KEDA adalah seperti berikut:

- i. Kemsite KEDA Wang Tok Rendong, Langkawi;
- ii. Semeliang *Agro Farm*, Kuala Nerang;
- iii. *Homestay* Desa KEDA Lahar Tunjung, Pendang;
- iv. *Agro-Edu Tourism* Charuk Tualang, Sik;
- v. KEDA *Resort/Kelulut Valley*, Bendang Man, Sik;
- vi. *Agrotourism* Pantai Molek, Sik;
- vii. *Homestay* Desa KEDA Ulu Legong, Baling;
- viii. KEDA *Agro High Tech* Sg Seluang, Kulim;
- ix. Kemsite Desa KEDA Kemangi, Baling;
- x. *Agrotourism* Sungai Pial, Yan;
- xi. *Agrotourism* Batu Lintang, Kuala Muda;
- xii. *Homestay* Relau, Bandar Baharu;
- xiii. *Agrotourism* Batas Ubi, Teroi, Yan; dan
- xiv. Kompleks Pendidikan Desa KEDA Che Bema, Kuala Muda.

## OBJEKTIF PROJEK

- i. Memperkenalkan Pusat Pelancongan Desa yang berkonsep Pelancongan Pertanian (*Agrotourism*) dan Inap Desa (*Homestay*).
- ii. Mengeksploitasikan sepenuhnya kemudahan-kemudahan dan tanah yang sedia ada bagi menarik pengunjung-pengunjung dari dalam dan luar negeri untuk datang ke kawasan luar bandar.
- iii. Mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat luar bandar.
- iv. Melahirkan usahawan pelancongan dari kalangan masyarakat desa.

## SKOP KOMPONEN PROJEK

- i. Kerja-kerja pembinaan dan menaik taraf kemudahan infrastruktur.
- ii. Kerja-kerja pembersihan kawasan dan landskap.
- iii. Kerja-kerja membekal peralatan dan kelengkapan.
- iv. Projek tanaman dan ternakan.
- v. Bantuan promosi

## PRESTASI KEWANGAN

Projek ini telah menerima peruntukan sebanyak RM 1,800,000.00 pada tahun 2016. Prestasi perbelanjaan sehingga 31 Disember 2016 adalah 100%.



Perincian perbelanjaan dan sub projek yang terlibat mengikut lokasi adalah seperti berikut:

BIL	LOKASI	DAERAH	SUB PROJEK	BELANJA (RM)
1	Kemsite KEDA Wang Tok Rendong	Langkawi	2	30,000.00
2	Semeliang <i>Agro Farm</i>	Padang Terap	1	97,397.15
3	<i>Homestay</i> Desa KEDA Lahar Tunjung	Pendang	2	32,370.40
4	<i>Agrotourism</i> Pantai Molek	Sik	14	1,145,022.78
5	KEDA Resort/Kelulut <i>Valley</i> Bendang Man	Sik	2	28,044.00
6	Kompleks Pendidikan Desa KEDA Che Bema	Kuala Muda	7	201,460.62
7	Kemsite Desa KEDA Kemangi	Baling	3	36,938.90
8	<i>Agrotourism</i> Batas Ubi	Yan	1	95,882.00
9	<i>Agrotourism</i> Sungai Pial	Kuala Muda	6	125,671.03
10	Pameran Pelancongan dan Promosi		4	7,213.12
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>1,800,000.00</b>

## PENCAPAIAN

- i. Peningkatan bilangan usahawan daripada 100 kepada 220 orang dalam projek *Agrotourism*.
- ii. Peningkatan pendapatan usahawan dan peserta *homestay* sebanyak RM2500 kepada RM5,000.
- iii. Mewujudkan sebanyak 100 peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

## RUMUSAN

Secara keseluruhannya, projek ini dapat menggalakkan industri pelancongan negara terutama pelancongan desa dengan menarik pengunjung dari dalam dan luar negara datang ke kawasan luar bandar. Projek ini juga telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan dan menambah pendapatan penduduk luar bandar yang mana akan membawa kepada peningkatan taraf hidup yang lebih baik. Di samping itu, projek ini juga membangunkan kawasan terpencil luar bandar supaya menjadi lebih maju, menarik dan menguntungkan.

## GAMBAR PROJEK

### i. Agrotourism Sungai Pial, Yan



Ladang Nira Nipah Encik Hanapiah



Perusahaan Ikan Pekasam dan Telur Masin Mak Ngah



Ternakan Ikan Talapia Encik Tarmizi

ii. Agrotourism Batas Ubi, Yan



Papan tanda



Lawatan tapak projek oleh pegawai KEDA



Pembinaan restoran



Ternakan rusa



Usahawan rusa golek bersama Pengurus Besar KEDA

iii. Semeliang Agro Farm, Kuala Nerang



Kolam mandi



Pengurus Semeliang Agro Farm



Aktiviti di ladang rusa



Surau



Bilik penginapan

iv. *Agrotourism* Pantai Molek, Sik



Kafeteria



Melon Production House (MPH)



Kerja-kerja semaian Melon

v. Kemsite KEDA Wang Tok Rendong, Langkawi



Chalet dan asrama



Asrama



Aktiviti-aktiviti di Kemsite



Pelancong luar negara

vi. Homestay Desa KEDA Lahar Tunjung, Pendang



Kerja-kerja menaik taraf asrama dan pembekalan penghawa dingin dan pencucian kawasan kolam

vii. Pameran Pelancongan Di Matic Ampang, Kuala Lumpur



Aktiviti yang berlangsung semasa pameran

viii. Pameran Kelulut Sungai Petani



Aktiviti yang berlangsung semasa pameran

ix. Pameran HALALFEST Sungai Petani



Aktiviti yang berlangsung semasa pameran

# PROJEK KEDA AGRO HIGH TECH SUNGAI SELUANG KULIM

## LATAR BELAKANG PROJEK

Projek KEDA *Agro High Tech* Sungai Seluang, Kulim merupakan projek yang dilaksanakan selaras dengan inisiatif ke-3 RTC Kedah di bawah Pertanian Bernilai Tinggi bagi memperkenalkan projek-projek pertanian yang berteknologi tinggi.

Sebanyak RM1,250,000.00 telah diperuntukkan untuk melaksanakan projek ini melalui tanaman seperti melon, jagung, pisang, sayuran dan lain-lain tanaman dengan menggunakan teknologi moden. Melalui projek ini, penduduk luar bandar dan pelancong-pelancong dapat mempelajari dan memperolehi pengetahuan berkaitan projek pertanian berteknologi tinggi. Projek ini juga menyediakan pusat latihan pertanian kepada belia-belie yang akan dipilih sebagai usahawan bagi mengurus projek-projek pertanian berteknologi tinggi di lokasi yang berlainan.

## OBJEKTIF PROJEK

- i. Memperkenalkan projek-projek pertanian yang berteknologi tinggi.
- ii. Mewujudkan pusat maklumat berhubung pertanian yang teratur kepada masyarakat luar bandar.
- iii. Melatih dan melahirkan usahawan terutama belia dalam mengurus projek pertanian berteknologi tinggi.
- iv. Membantu usahawan dalam menjual dan mempromosi produk pertanian.
- v. Membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.
- vi. Menarik pengunjung dari dalam dan luar negara ke Negeri Kedah secara tidak langsung.

## SKOP DAN KOMPONEN PROJEK

- i. Pembersihan dan penyediaan tapak.
- ii. Membekal input dan benih serta mesin.
- iii. Membekal kenderaan/ jentera dan peralatan lading.
- iv. Menyediakan kemudahan asas seperti jalan, perparitan, dataran, dan lain-lain.
- v. Menyediakan bekalan air dan bekalan elektrik.
- vi. Kerja-kerja penjagaan kawasan.
- vii. Pembinaan bangunan merangkumi pejabat, stor, gerai dan pusat jualan serta penyediaan sistem pengairan.

## PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2016, projek ini telah diluluskan peruntukan sebanyak RM 1,250,000.00. Prestasi perbelanjaan sehingga 31 Disember 2016 adalah 100%



Perincian perbelanjaan dan sub projek yang terlibat mengikut kategori kerja adalah seperti berikut :

BIL	JENIS KERJA	SUB PROJEK	BELANJA (RM)
1	Melaksanakan dan membekal :		
	i) Pertanian Berteknologi Tinggi - Benih melon, racun, baja dan lain-lain	16	302,689.87
	ii) Ternakan kelulut	2	13,210.00
	iii) Peralatan Ladang dan Pejabat Ladang	4	89,961.80
2	Membina dan menaik taraf prasarana asas - Jalan pertanian, tangki air, pejabat ladang, - Pusat pengumpulan dan pusat pemprosesan - Jentera, mesin dan peralatan	11	645,492.53
3	Membekal jentera, kenderaan dan mesin	3	198,645.80
<b>JUMLAH</b>		<b>36</b>	<b>1,250,000.00</b>

## PENCAPAIAN

- i. Mewujudkan peluang pekerjaan kepada 10 orang belia dan penduduk tempatan.
- ii. Melahirkan 10 orang usahawan.
- iii. Meningkatkan pendapatan penduduk dan usahawan luar bandar dengan pendapatan di antara RM 1,000.00 - RM5,000.00 /sebulan.
- iv. Mendapat pendapatan hasil jualan pertanian 4 metrik tan sebulan (48 metrik tan/setahun) @ RM168,000.00.
- v. Memberi latihan kepada petani dan usahawan seramai 6 orang.

## RUMUSAN

Projek ini telah memberi impak yang berkesan dalam membantu, memaju dan menggalakkan industri pelancongan desa dan pertanian moden memandangkan projek ini telah membangunkan kawasan pertanian berteknologi tinggi yang boleh juga dilawati dan dipelajari oleh pengunjung-pengunjung. Projek ini akan dijadikan contoh bagi pembangunan kawasan ladang pertanian berkonsepkan *Agro-Edu Tourism* yang secara langsung melatih dan memberi ilmu pengetahuan baru dan moden kepada penduduk-penduduk luar bandar dengan melaksanakan projek-projek komersil seperti pertanian campuran dan moden yang berkonsepkan *Agro-Edu Tourism*. Projek KEDA *Agro High Tech* ini juga dijangka akan menjadi satu lagi Projek Agrotourism KEDA yang dapat mencapai *output* dan *outcome* seperti beberapa projek lain yang dilaksanakan oleh KEDA.

## GAMBAR PROJEK



Melon Production House (MPH)



Melon Production House (MPH)



Pusat Pengumpulan Buah



Penggredan Buah Mengikut Gred Buah



Kerja-Kerja Memungut Hasil Buah Melon



Semaian benih Melon



Tanaman Melon



Hasil buah Melon



Lawatan pelajar Thailand dan Sekolah Menengah Teknik Alor Setar

# PROJEK PENINGKATAN EKONOMI PETANI KEDAH DI KAWASAN LUAR BANDAR (PPEPK)

## LATAR BELAKANG PROJEK

Projek Peningkatan Ekonomi Petani Kedah di Kawasan Luar Bandar (PPEPK) merupakan projek yang mula dilaksanakan oleh KEDA di bawah RMKe-9 bagi membantu petani-petani dan penternak luar bandar untuk meningkatkan pendapatan.

Pada tahun 2016, sebanyak RM1,000,000.00 telah diperuntukkan bagi projek ini di mana bantuan input pertanian, ternakan dan akuakultur bernilai di antara RM5,000.00 ke RM10,000.00 akan diberikan kepada setiap peserta di kawasan luar bandar di Negeri Kedah. Di antara projek-projek yang dilaksanakan adalah projek tanaman pisang, jagung dan sayuran serta ternakan rusa, kelulut, lembu, kambing dan ikan.

## OBJEKTIF PROJEK

- i. Meningkatkan pendapatan peserta PPRT, petani, belia dan usahawan di kawasan luar bandar.
- ii. Menggalakkan dan memajukan projek pertanian, ternakan dan akuakultur ke arah lebih moden dan komersial.
- iii. Menggalakkan petani dan penternak berkecimpung dalam aktiviti pertanian dan ternakan berskala besar dan berdaya saing dalam meningkatkan produk keluaran hasil mereka.
- iv. Membantu petani dan penternak dalam memulakan projek pertanian, ternakan dan akuakultur untuk menambah pendapatan keluarga.
- v. Melahirkan usahawantani yang maju dan berjaya dalam pengeluaran bahan-bahan mentah secara moden dan komersial melalui pelaksanaan program pertanian dan ternakan.
- vi. Menggunakan tanah pertanian yang kosong dan sedia ada secara selingan untuk aktiviti pertanian dan ternakan.
- vii. Memajukan Industri Asas Tani di kawasan luar bandar.

## SKOP DAN KOMPONEN PROJEK


- i. Memberi bantuan input pertanian untuk projek tanaman jangka pendek seperti tanaman sayuran, pisang, jagung, kopi, lada hitam, nanas serta tanaman herba seperti misai kucing, serai makan dan lain-lain.
- ii. Memberi bantuan input ternakan untuk projek ikan air tawar (ikan keli, tilapia dan siakap), ternakan tiram, kelulut, lembu, kambing, kibas, rusa, ayam, itik dan puyuh.
- iii. Memberi bantuan input benih, baja dan racun.
- iv. Memberi bantuan peralatan dan mesin pertanian.
- v. Menyediakan kemudahan infrastruktur pertanian dan kemudahan asas seperti jalan pertanian, stor, pagar, kandang, pusat pengumpulan dan jualan, kolam dan sebagainya.
- vi. Pemulihan tanah terbiar.
- vii. Mengadakan latihan/kursus/promosi dan lawatan.

## PRESTASI KEWANGAN

Projek ini telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM 1,000,000.00 pada tahun 2016. Prestasi perbelanjaan sehingga 31 Disember 2016 adalah 100%.




Perincian perbelanjaan mengikut komponen projek adalah seperti berikut :



## PENCAPAIAN

- i. Pembangunan tanah pertanian dengan aktiviti pertanian, ternakan/akuakultur dan bantuan input pertanian.
- ii. Peningkatan pendapatan penduduk/peserta projek di antara RM500.00 hingga RM5,000.00/sebulan.
- iii. Projek ini telah memberi manfaat kepada penduduk/peserta seramai 61 orang.
- iv. Sebanyak 72 sub projek telah dilaksanakan di bawah projek ini.



**Carta 1 : Pecahan Bilangan Sub Projek Mengikut Kategori Bantuan**

**Jadual 7 : Bilangan Sub Projek dan Penerima Manfaat mengikut Zon bagi Tahun 2016**

BIL.	ZON	BIL. SUB PROJEK	BIL. PENERIMA FAEDAH (ORANG)
1.	Langkawi	1	1
2.	Padang Terap	16	24
3.	Pendang, Kota Setar, Pokok Sena	7	7
4.	Sik	8	2
5.	Baling	7	5
6.	Kulim	1	1
7.	Kuala Muda, Yan	13	9
8.	Kubang Pasu	4	4
9.	Bandar Baharu	15	8
<b>JUMLAH</b>		<b>72</b>	<b>61</b>

## RUMUSAN

Projek Peningkatan Ekonomi Petani Kedah di Kawasan Luar Bandar (PPEPK) ini dapat membantu petani-petani melibatkan diri dengan aktiviti pertanian, ternakan dan akuakultur sebagai sumber pendapatan utama kepada mereka. Selain itu, projek ini juga dapat membantu negara dalam pengeluaran bekalan makanan serta membantu kerajaan dalam krisis kenaikan harga makanan. Kesan daripada pelaksanaan projek ini adalah petani-petani tersebut dapat meningkatkan tahap kemahiran dan inovasi dalam bidang pertanian seterusnya dapat melahirkan usahawantani luar bandar yang berjaya.

## GAMBAR PROJEK



Ternakan Tiram di Bukit Meriam, Kuala Muda



Ternakan Rumpai Laut di Pulau Gasing, Langkawi



Ternakan Ayam Kampung di Kampung Alor Janggus, Kubang Pasu



Tanaman Nanas di Kampung Gudai, Kuala Ketil, Baling



Kursus Ternakan Rusa di Semeliang Agro Farm, Kuala Nerang



Ternakan Ayam Kampung di Bagan Samak, Bandar Baharu



Tanaman Cili Fertigasi di Bagan Samak, Bandar Baharu



Ternakan Kelulut di Pokok Sena

# PROJEK PREMIUM TANAH DAN KERJA-KERJA TANAH

## LATAR BELAKANG PROJEK

Projek ini bertujuan untuk membuat permohonan dan mendapat hakmilik ke atas tanah-tanah yang telah dibangunkan oleh KEDA. Semasa penyediaan projek-projek pembangunan di bawah RM Ke-4 hingga RMKe-9, urusan seperti bayaran premium tanah dan kerja sukat sehingga mendapat hakmilik berasingan tidak termasuk di dalam kos projek. Oleh itu, pada tahun 2016, KEDA telah membuat pembayaran bagi premium tanah dan kerja-kerja tanah yang melibatkan peruntukan sebanyak RM4,000,000.00. Sehubungan itu, tanah seluas 639.19 ekar telah berjaya diberi milik kepada KEDA.

## OBJEKTIF PROJEK

- i. Mendapatkan status hakmilik.
- ii. Perkhidmatan sokongan.

## SKOP DAN KOMPONEN PROJEK

Projek ini melibatkan pembangunan bagi :

- i. premium tanah/harga tanah;
- ii. harga permohonan;
- iii. harga surat hakmilik sementara (Qualified title,(QT));
- iv. hasil tanah;
- v. surat hakmilik tetap (Geran);
- vi. harga peta geran;
- vii. harga kerja-kerja ukur tanah ; dan
- viii. harga penyediaan pelan QT

## PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2016, sebanyak RM 4,000,000.00 telah diperuntukkan untuk projek ini. Prestasi kewangan perbelanjaan projek ini sehingga 31 Disember 2016 adalah 100% .




## PENCAPAIAN

Menerusi projek ini, seluas 639.19 ekar tanah telah diperoleh hakmilik oleh KEDA bagi tahun 2016.

## RUMUSAN

Projek ini membolehkan proses pecah sempadan dapat dilaksanakan dan sekaligus proses pemberimilikan kepada penduduk luar bandar boleh dilakukan. Perkara ini dapat mengukuhkan peluang komuniti ekonomi bumiputera untuk meningkatkan pemilikan kekayaan bukan dalam bentuk kewangan selaras dengan *Outcome* Nasional bagi mengukuhkan komuniti ekonomi bumiputera dan Petunjuk Prestasi Utama Nasional dengan sekurang-kurangnya 90% isi rumah Bumiputera memiliki seunit kediaman dan sekurang-kurangnya 30% pemilikan hartanah komersial dan perindustrian.

## GAMBAR PROJEK






**LAPORAN  
PERUNTUKAN WANG  
AMANAH**

# LAPORAN PERUNTUKAN WANG AMANAH

Sepanjang tahun 2016, KEDA telah melaksanakan 21 projek / aktiviti di bawah 5 kategori utama iaitu Sistem Penyampaian, Usahawan, Ekonomi, Prasarana Luar Bandar dan Kursus/Latihan dengan peruntukan pembangunan diterima daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) berjumlah RM56,516,630.00.00. Daripada jumlah peruntukan wang amanah yang diterima itu, sebanyak RM42,161,194.74 (74.60%) telah dibelanjakan dan tanggungan semasa adalah berjumlah RM14,355,435.26 (25.40%) sehingga 31 Disember 2016.

**Graf 2: Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Wang Amanah Mengikut Kategori Projek sehingga 31 Disember 2016**



Projek / aktiviti yang dilaksanakan tersebut adalah untuk kepentingan dan manfaat kumpulan sasar di kawasan luar bandar. Jenis projek yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

i. Projek Ekonomi



Projek Ternakan Ayam Kampung  
di Kg. Rantau Panjang, Bandar Baharu



Pembinaan 1 Unit Restoran  
Terapung di Desa Lestari Kampung  
Padang Lalang, Langkawi

ii. Kursus/Latihan



Kursus Kelas Kapal Dagang oleh Ranaco Marine Sdn Bhd



Kursus Pelabelan dan Pembungkusan di RTC Napoh

iii. Projek Usahawan



Karnival myHingaQmNega yang telah diadakan di Tasik Darulaman, Jitra, Kedah untuk mempromosi dan memasarkan produk keluaran usahawan tempatan / luar bandar



**“ MEMPERKUKUHKAN  
SOSIOEKONOMI  
PENDUDUK ”**




**LAPORAN  
ANAK SYARIKAT  
KEDA**

# LAPORAN ANAK SYARIKAT KEDA

## LATAR BELAKANG PROJEK

KEDA Holdings Sdn Bhd (KHSB) telah ditubuhkan secara rasminya pada 8 Jun 2010 dan merupakan sebuah anak syarikat milik penuh kepada Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA). KHSB ditubuhkan dengan modal dibenarkan sebanyak RM25 juta dan modal berbayar sebanyak RM25 juta. Bagi memantapkan lagi operasi, KHSB menubuhkan 3 subsidiari di bawahnya iaitu KEDA Agrobiz Sdn Bhd (KASB), KEDA Resort and Holidays Sdn Bhd (KRHSB) dan KEDA *Properties and Management* Sdn Bhd (KPMMSB).



Penubuhan subsidiari di bawah KHSB adalah berdasarkan kapasiti dan keperluan pecahan bidang yang diuruskan oleh KHSB. Penubuhan setiap subsidiari berdasarkan modal dibenarkan dan modal berbayar adalah seperti berikut :-

ANAK SYARIKAT	MODAL DIBENARKAN (RM)	MODAL BERBAYAR (RM)	JUMLAH PENDAPATAN (JUALAN)	JUMLAH PENDAPATAN (UNTUNG BERSIH) *selepas cukai
i. KEDA Holdings Sdn Bhd	25,000,000	25,000,000	1,011,657	508,164
ii. KEDA Agrobiz Sdn Bhd	500,000	250,000	4,488,226	34,014
iii. KEDA Resort and Holidays Sdn Bhd	500,000	250,000	1,542,170	13,911
iv. KEDA Properties and Management Sdn Bhd	1,000,000	1,000,000	1,264,519	157,439

## AKTIVITI ANAK SYARIKAT

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh anak syarikat dan subsidiari adalah seperti berikut:

ANAK SYARIKAT	AKTIVITI UTAMA
KEDA Holdings Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelaburan langsung</li> <li>- Aktiviti perdagangan umum</li> </ul>
KEDA Agrobiz Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan ladang</li> <li>- Pengurusan ladang kopi dan herba</li> <li>- Pengeluaran produk-produk berasaskan herba</li> <li>- Pengeluaran dan pemprosesan air mineral semulajadi</li> <li>- Pengurusan sewa guna kemudahan chalet</li> </ul>
KEDA Resort and Holidays Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan resort dan inapan</li> <li>- Perkhidmatan catering</li> <li>- Perkhidmatan pelancongan (<i>travel &amp; tours</i>)</li> <li>- Pengurusan pakej <i>team building, outdoor</i> dan lain-lain</li> </ul>
KEDA Properties and Management Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan hartanah</li> <li>- Sewaan ruang niaga dan ruang pejabat</li> <li>- Pembangunan perumahan dan komersial</li> <li>- Pembekalan Am</li> </ul>


i. KEDA Resort and Holidays Sdn Bhd



KEDA Resort Bendang Man, Sik, Kedah



Chalet di Pusat Latihan Pertanian Charuk Tualang, Sik, Kedah



Madu Kelulut di KEDA Resort Bendang Man, Sik, Kedah

ii. KEDA Agrobiz Sdn Bhd




Produk keluaran KEDA Agrobiz Sdn Bhd

iii. KEDA Properties and Management Sdn Bhd



Projek dilaksanakan oleh KEDA Properties and Management Sdn Bhd



**PENYATA  
KEWANGAN  
2016**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 32.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia oleh Lembaga Pengarah dan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981 (Akta 249).

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia oleh Lembaga Pengarah dan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981 (Akta 249). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981 (Akta 249), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 12 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

### **Hal-hal Lain**


- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

- b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



**(MOHD NASRI BIN MOHD NASIR)**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
6 OGOS 2017



**LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH**  
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 249)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS  
PENGURUSAN KEWANGAN**

Saya, **KHAIRUL AZMEER BIN ABU BAKAR NO. K/P : 840604-09-5007**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di Alor Setar )  
pada **30** Julai 2017 )



**PENGURUS KEWANGAN**

Di hadapan saya,



NO. 19, TINGKAT 1, BANGUNAN DATO' HAJI ALI ISMAIL,  
JALAN TUNKU IBRAHIM, 05000 ALOR SETAR,  
KEDAH DARUL BIRU

**PESURUHJAYA SUMPAH**

**LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH**  
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 249)

**PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah**

Kami **YAB DATO' SERI DI RAJA AHMAD BASHAH BIN MD HANIPAH** dan **DATO' PADUKA HAJI BAKAR BIN DIN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

  
**YAB DATO' SERI DI RAJA AHMAD BASHAH BIN MD HANIPAH**  
Pengerusi

TARIKH : 30 Julai 2017  
TEMPAT : Alor Setar, Kedah

  
**DATO' PADUKA HAJI BAKAR BIN DIN**  
Ahli Lembaga Pengarah

TARIKH : 30/6/17 Julai 2017  
TEMPAT : Alor Setar, Kedah

**LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)**  
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 249 Tahun 1981)  
**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2016**

	Nota	KUMPULAN		KEDA	
		2016 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2015 (RM)
<b>ASET SEMASA</b>					
Wang Di Tangan Dan Di Bank	9	13,060,502	6,920,602	9,164,878	6,007,488
Penghutang Perdagangan		2,340,504	2,515,733	-	-
Penghutang Sewaan Bangunan / Hartanah	10	1,591,122	1,853,856	1,591,122	1,853,856
Penghutang Pembeli Tanah / Bangunan	11	-	8,136	-	8,136
Penghutang - Syarikat Sub Subsidiari	12	-	-	2,502,005	2,363,155
Penghutang Pelbagai Dan Pendahuluan	13	3,030,909	2,547,790	2,228,036	1,802,090
Inventori	14	27,779,580	28,040,295	27,251,515	27,381,321
Bayaran Terdahulu - Kos Tanah Dan Bangunan	15	9,492,136	13,169,550	9,492,136	13,169,550
Deposit Dibayar	16	328,697	673,796	328,697	673,796
Deposit Tetap	17	63,550,000	100,305,317	45,250,000	77,750,000
Faedah Deposit Tetap Terakru	18	54,374	331,483	54,374	331,483
Perbelanjaan Tertunda		65,017	115,797	65,017	115,797
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<b>121,292,841</b>	<b>156,482,355</b>	<b>97,927,780</b>	<b>131,456,672</b>
<b>Aset Bukan Semasa</b>					
Hartanah, Loji Dan Peralatan	19	80,245,852	62,425,145	75,099,200	61,340,932
Perbelanjaan Pembangunan Atas Kos	20	10,163,532	11,486,020	10,163,532	11,486,020
Pembinaan Dalam Kemajuan	21	15,299,482	25,895,792	15,299,482	25,895,792
Pelaburan Dalam Subsidiari	22	-	-	25,000,000	25,000,000
Lain-Lain Pelaburan	23	-	2,000,000	-	-
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>		<b>105,708,866</b>	<b>101,806,957</b>	<b>125,562,214</b>	<b>123,722,744</b>
<b>Jumlah Aset</b>		<b>227,001,707</b>	<b>258,289,312</b>	<b>223,489,994</b>	<b>255,179,416</b>
<b>LIABILITI</b>					
<b>Liabiliti Semasa</b>					
Pemiutang Perdagangan		394,127	965,233	-	-
Pendahuluan Dari Pengarah		-	-	-	-
Pemiutang Sewa Beli	24	55,068	75,295	-	-
Faedah Terakru Dan Pinjaman Belum Dibayar	25	302,994	355,147	302,994	355,147
Perbelanjaan Terakru Dan Pemiutang Pelbagai	26	12,681,498	11,436,903	11,446,004	10,791,343
Wang Tahanan Kontrak Dan Deposit Kontrak Diterima		2,478,359	2,166,080	2,478,359	2,166,080
Peruntukan cukai		153,804	78,571	-	-
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>		<b>16,065,850</b>	<b>15,077,229</b>	<b>14,227,357</b>	<b>13,312,570</b>

Penyata ini mestilah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikemukakan.

**LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)**  
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 249 Tahun 1981)  
**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2016**

	Nota	KUMPULAN		KEDA	
		2016 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2015 (RM)
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>					
Pinjaman Kerajaan Persekutuan	27	1,618,800	1,860,351	1,618,800	1,860,351
Pemiutang Sewa Beli		93,881	148,948	-	-
Cukai Tertunda	28	73,897	73,897	-	-
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>		<b>1,786,578</b>	<b>2,083,196</b>	<b>1,618,800</b>	<b>1,860,351</b>
<b>Aset Bersih</b>		<b>209,149,279</b>	<b>241,128,887</b>	<b>207,643,837</b>	<b>240,006,495</b>
<b>ASET BERSIH/EKUITI</b>					
Dana Pengurusan		7,229,829	6,795,436	7,229,829	6,795,436
Dana Pembangunan		20,610,685	28,864,316	20,610,685	28,864,316
Dana Pelaburan		7,462,586	7,199,538	7,462,586	7,199,538
Dana Rizab		14,032,096	5,445,016	14,032,096	5,445,016
Keuntungan Berkumpul - Subsidiari		1,453,879	1,072,910	-	-
Dana Berkumpul Projek Bendang Kelompok, Asam Jawa	29	907,745	843,547	907,745	843,547
Dana Berkumpul Projek-Projek Ekonomi	30	3,174,795	3,204,077	3,174,795	3,204,077
Tabung Latihan Dan Kemajuan Kerjaya	31	168,742	2,300	168,742	2,300
Tabung Kebajikan, Kesihatan Dan Bencana	32	202,850	210,600	202,850	210,600
Tabung Pusingan Pinjaman	33	1,602,138	1,602,138	1,602,138	1,602,138
Tabung Pelajaran		154,900	154,900	154,900	154,900
Tabung Bantuan Bencana		49,620	49,620	49,620	49,620
Tabung Miskin Tegar		66,563	49,482	15,000	-
Tabung Kewangan Kolej KEDA		224,900	205,064	224,900	205,064
Peruntukan Pembangunan - Kerajaan Persekutuan	34	123,797,884	122,274,897	123,797,884	122,274,897
Peruntukan Amanah / Luar Bajet	35	28,010,067	63,155,046	28,010,067	63,155,046
		<b>209,149,279</b>	<b>241,128,887</b>	<b>207,643,837</b>	<b>240,006,495</b>
<b>JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI</b>		<b>227,001,707</b>	<b>258,289,312</b>	<b>223,489,994</b>	<b>255,179,416</b>

Penyata ini mestilah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikemukakan.

**LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)**  
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 249 Tahun 1981)  
**PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Nota	KUMPULAN		KEDA	
		2016 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2015 (RM)
<b>PENDAPATAN</b>					
Pemberian Kerajaan Persekutuan		24,875,700	21,776,000	24,875,700	21,776,000
Sewaan Bangunan / Hartanah	36	1,956,751	2,026,009	2,042,531	2,160,781
Pelbagai Sewaan		30,895	31,652	30,895	31,652
Faedah Diperolehi	37	91,565	99,084	91,565	99,084
Keuntungan Akaun Pelaburan Am Al Mudharabah	38	2,107,154	2,757,430	2,107,154	2,757,430
Pendapatan Pelbagai	39	212,972	163,748	212,972	163,748
Keuntungan/Kerugian Daripada Jualan Rumah / Tapak Rumah	40	37,073	(184,999)	37,073	(184,999)
Geran Pembangunan Dilunaskan		28,953,779	28,282,509	28,953,779	28,282,509
Hasil Dari Perniagaan		6,015,342	5,382,641	-	-
Jualan Buah-Buahan		32,286	-	32,286	-
Jualan Getah Dan Sekerap		1,084,333	1,615,244	-	-
Yuran Pengurusan		24,000	-	-	-
Lain-Lain Pendapatan		1,008,157	2,848,152	-	2,000,000
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b>66,430,007</b>	<b>64,797,470</b>	<b>58,383,955</b>	<b>57,086,205</b>
<b>TOLAK:</b>					
<b>PERBELANJAAN</b>					
Emolumen		19,077,008	18,946,150	18,462,395	18,462,325
Perkhidmatan Dan Bekalan		6,009,464	6,285,950	6,009,464	6,285,950
Perbelanjaan Lain		2,093,703	1,521,205	2,093,703	1,521,205
Kos Pembangunan dan Penyelenggaraan Tanah - Subsidiari		26,740	18,240	26,740	18,240
Susutnilai Aset Tetap		5,436,219	5,159,734	5,182,546	4,894,479
Pelunasan Tanah Pajakan		307,414	257,756	307,414	257,756
Pelunasan Perbelanjaan Pembangunan		23,463,819	22,260,851	23,463,819	22,260,851
Faedah Atas Pinjaman Kerajaan Persekutuan		59,526	68,459	59,526	68,459
Hutang Ragu Sewaan Bangunan		247,312	137,693	247,312	137,693
Hutang Ragu Penghutang Pelbagai/Pinjaman Mesin		27,553	(81,597)	27,553	(81,597)
Hapuskira dan Pelupusan Aset Tetap		-	994	-	994
Hapuskiran Sewa/Pinjaman Mesin		273,442	160,568	273,442	160,568
Kos Penyelenggaraan Kawasan IKS		1,192,052	1,032,511	1,192,052	1,032,511
Kos Langsung Operasi		5,610,326	5,819,486	-	-
Elaun Lembaga Pengarah		91,800	53,100	-	-
Lain-lain Belanja Operasi		487,058	563,639	-	-
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>64,403,436</b>	<b>62,204,739</b>	<b>57,345,966</b>	<b>55,019,434</b>
<b>LEBIH PENDAPATAN BAGI TAHUN SEBELUM CUKAI</b>		<b>2,026,571</b>	<b>2,592,731</b>	<b>1,037,989</b>	<b>2,066,771</b>
<b>TOLAK : CUKAI</b>	41	<b>282,163</b>	<b>172,048</b>	<b>7,099</b>	<b>36,436</b>
<b>LEBIH PENDAPATAN BAGI TAHUN SELEPAS CUKAI TAMBAH:</b>		<b>1,744,408</b>	<b>2,420,683</b>	<b>1,030,890</b>	<b>2,030,335</b>
<b>LEBIH PENDAPATAN TERKUMPUL PADA 01 JANUARI TOLAK / TAMBAH :</b>		<b>49,377,216</b>	<b>46,974,854</b>	<b>48,304,306</b>	<b>46,273,971</b>
<b>PELARASAN TAHUN LEPAS</b>	42	<b>(62,180)</b>	<b>31,161</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
		<b>51,059,444</b>	<b>49,426,698</b>	<b>49,335,196</b>	<b>48,304,306</b>
<b>TOLAK:</b>					
<b>PINDAHAN KE DANA RIZAB</b>		<b>(15,412,920)</b>	<b>(13,970,000)</b>	<b>(15,412,920)</b>	<b>(13,970,000)</b>
<b>PINDAHAN KE TABUNG MISKIN TEGAR</b>		<b>(45,369)</b>	<b>(49,482)</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>DIVIDEN</b>		<b>(225,000)</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>TAMBAH :</b>					
<b>PINDAHAN DARI DANA RIZAB</b>		<b>15,412,920</b>	<b>13,970,000</b>	<b>15,412,920</b>	<b>13,970,000</b>
<b>PENGURANGAN NILAI PELABURAN</b>		<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>LEBIH PENDAPATAN TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER</b>		<b>50,789,075</b>	<b>49,377,216</b>	<b>49,335,196</b>	<b>48,304,306</b>

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikemukakan.

**LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)**  
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 249 Tahun 1981)  
**PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

KUMPULAN	DANA	DANA	DANA	DANA	SUBSIDIARI	JUMLAH
	PENGURUSAN RM	PEMBANGUNAN RM	PELABURAN RM	RIZAB RM	RM	RM
Baki Pada 01 Januari 2015	6,132,666	25,797,117	6,929,172	7,415,016	700,884	46,974,855
Lebih Selepas Cukai	(4,337,230)	6,097,199	270,366	-	390,347	2,420,682
Pindah Dari / (Ke) Dana Rizab	5,000,000	(3,030,000)	-	(1,970,000)	(18,321)	(18,321)
Baki Pada 31 Disember 2015	6,795,436	28,864,316	7,199,538	5,445,016	1,072,910	49,377,216
Lebih Selepas Cukai	(1,565,607)	2,333,449	263,048	-	713,518	1,744,408
Pindah (Ke) / Dari Dana Yang Lain	2,000,000	(10,587,080)	-	8,587,080	(332,549)	(332,549)
<b>Baki Pada 31 Disember 2016</b>	<b>7,229,829</b>	<b>20,610,685</b>	<b>7,462,586</b>	<b>14,032,096</b>	<b>1,453,879</b>	<b>50,789,075</b>

KEDA	DANA	DANA	DANA	DANA	JUMLAH
	PENGURUSAN RM	PEMBANGUNAN RM	PELABURAN RM	RIZAB RM	RM
Baki Pada 01 Januari 2015	6,132,666	25,797,117	6,929,172	7,415,016	46,273,971
Lebih Selepas Cukai	(4,337,230)	6,097,199	270,366	-	2,030,335
Pindah Dari / (Ke) Dana Rizab	5,000,000	(3,030,000)	-	(1,970,000)	-
Baki Pada 31 Disember 2015	6,795,436	28,864,316	7,199,538	5,445,016	48,304,306
Lebih Selepas Cukai	(1,565,607)	2,333,449	263,048	-	1,030,890
Pindah (Ke) / Dari Dana Yang Lain	2,000,000	(10,587,080)	-	8,587,080	-
<b>Baki Pada 31 Disember 2016</b>	<b>7,229,829</b>	<b>20,610,685</b>	<b>7,462,586</b>	<b>14,032,096</b>	<b>49,335,196</b>

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan.

**LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)**  
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 249 Tahun 1981)  
**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Nota	KUMPULAN		KEDA	
		2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>					
Terimaan Tunai Dari Pembekal dan Pekerja		45,162,423	83,212,256	37,730,368	76,303,489
Pembayaran Tunai Kepada Pembekal dan Pekerja		(169,440,045)	(239,160,314)	(162,261,790)	(231,482,490)
<b>Tunai Digunakan Dalam Operasi</b>		<b>(124,277,622)</b>	<b>(155,948,058)</b>	<b>(124,531,422)</b>	<b>(155,179,001)</b>
Faedah Pinjaman Kerajaan Persekutuan Dibayar		(59,526)	(68,459)	(59,526)	(68,459)
Cukai Dibayar		(206,930)	(96,378)	(7,099)	(36,436)
Faedah Di Bayar Dan Di Terima		970,779	818,751	-	-
		<b>(123,573,299)</b>	<b>(155,294,144)</b>	<b>(124,598,047)</b>	<b>(155,283,896)</b>
<b>Aliran Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi</b>		<b>(123,573,299)</b>	<b>(155,294,144)</b>	<b>(124,598,047)</b>	<b>(155,283,896)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>					
Pembelian Harta Tetap dan Hartanah		(23,601,465)	(4,950,211)	(19,285,353)	(4,806,791)
Hasil Dari Jualan Aset Tetap		-	2,010,700	-	2,010,700
Faedah Simpanan Tetap dan Akaun Semasa		112,044	97,470	112,044	97,470
Keuntungan Akaun Pelaburan Am Al-Mudharabah		2,406,520	3,129,340	2,406,520	3,129,340
Pembelian Saham		-	(714,029)	-	-
Hasil Dari Jualan Pelaburan		2,000,000	-	-	-
Terbitan Modal Saham		-	23,000,000	-	-
<b>Aliran Tunai Bersih Dihasilkan Dalam Aktiviti Pelaburan</b>		<b>(19,082,901)</b>	<b>22,573,270</b>	<b>(16,766,789)</b>	<b>430,719</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>					
Pemberian Kerajaan Persekutuan		112,330,930	161,603,282	112,330,930	161,603,282
Pembayaran Pinjaman Kerajaan Persekutuan		(293,704)	(223,327)	(293,704)	(223,327)
Pembayaran Tabung Miskin Tegar		(60,000)	(51,800)	(15,000)	-
Pembayaran Balik Sewa Beli		(75,293)	(71,471)	-	-
Pendahuluan Dari / Ke Holding Corporation		138,850	(9,731,988)	-	-
Pendahuluan Pengarah		-	(4,000)	-	-
<b>Aliran Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan</b>		<b>112,040,783</b>	<b>151,520,696</b>	<b>112,022,226</b>	<b>161,379,955</b>
<b>Pertambahan Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai</b>		<b>(30,615,417)</b>	<b>18,799,822</b>	<b>(29,342,610)</b>	<b>6,526,778</b>
<b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun</b>		<b>107,225,919</b>	<b>88,426,097</b>	<b>83,757,488</b>	<b>77,230,710</b>
<b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun</b>		<b>76,610,502</b>	<b>107,225,919</b>	<b>54,414,878</b>	<b>83,757,488</b>
<b>ANALISIS TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI MERANGKUMI</b>					
<b>Wang Di Tangan Dan Di Bank</b>	9	13,060,502	6,920,602	9,164,878	6,007,488
<b>Deposit Tetap</b>	17	63,550,000	100,305,317	45,250,000	77,750,000
		<b>76,610,502</b>	<b>107,225,919</b>	<b>54,414,878</b>	<b>83,757,488</b>

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikemukakan.

**LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)**  
